

"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengkufuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. Wahasbunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.

Hayati, dalam ayat Al-Quran

Oleh : Haniza Abdul Latif

TUNGKU LINK, Jumaat, 9 Februari. – *Tadabbur* dalam satu istilah khusus bererti memikir, mengamati-amati, menghayati, menyingkap rahsia dan hikmah ayat-ayat suci Al-Quran atau Al-Hadis.

Dalam makna *tadabbur* itu bukanlah satu kerja mudah yang boleh dibuat oleh semua orang, melainkan hanya oleh orang-orang yang ahli dalam ilmu Al-Quran sendiri selain ilmu bacaan, ahli dalam ilmu agama dan menguasai bahasa Arab.

Perkara tersebut antara inti pati ceramah yang disampaikan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned semasa Majlis Tadabbur Al-Quran Perdana Bersama Mufti bertempat di Masjid Universiti Brunei Darussalam (UBD), di sini.

Menurut Yang Berhormat Mufti Kerajaan, kerana *tadabbur* bererti merujuk atau memikir tentang erti dan rahsia ayat-ayat yang dibaca, misalnya Surah Al-Fatihah, mengapa namanya Al-Fatihah, mengapa ia diturunkan, apa yang berlaku ketika turunnya, kemudian baru isinya. Kita baca ia sambil memahami maknanya.

>> Muka 6

PENDIDIKAN UGAMA MUSTAHAK DITITIKBERATKAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.

Oleh : Khartini Hamir

BERAKAS, Khamis, 8 Februari. – Orang-orang yang sentiasa memelihara sembahyang telah dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala akan memperoleh nikmat kebahagiaan dan keuntungan.

Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Mu'minun, ayat 9 hingga 11 tafsirnya : “*Dan orang-orang yang tetap memelihara sembahyang, mereka itulah pewaris-pewaris yang akan mewarisi syurga Firdaus. Mereka kekal di dalamnya*”.

Maka, untuk menjadi pewaris-pewaris tersebut, pendidikan agama amat mustahak sentiasa dititikberatkan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menekankan perkara demikian pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, pagi tadi.

>> Muka 2

Penekanan kepentingan sembahyang dalam kehidupan

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

BERAKAS, Jumaat, 9 Februari. - Kementerian Pertahanan awal pagi tadi mengadakan Majlis Sambutan Israk dan Mikraj bagi Tahun 1445 Hijrah secara serentak di seluruh surau-surau di Kementerian Pertahanan dan perkhemahan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dengan tumpuan utama

diadakan di Surau Ad-Difa', Bolkiah Garison, di sini.

Hadir ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

>> Muka 5



IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN

Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

Berita Utama



KONGSI inisiatif dalam memperkasa penglibatan wanita

Muka 7



LCB memeterai perjanjian dalam Sektor Pendidikan, Teknologi

Muka 11



PROGRAM 'Dibuang Sayang' bantu masyarakat memerlukan

Muka 13



MANTAPKAN pengetahuan pesilat dengan undang-undang baharu

Muka 23

Pendidikan ugama mustahak dititikberatkan

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

>> Muka 1

Penekanan secara amali atau praktikal ilmu ugama titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, seperti cara berwuduk, perbuatan dan bacaan-bacaan dalam sembahyang masih sahaja perlu untuk terus diperkasa, bukan sahaja di peringkat sekolah rendah, malah juga di peringkat yang lebih tinggi.

"Kerana ibadat sembahyang mempunyai rukun-rukunnya yang perlu dipelajari dan dihalusi, selaku ibadat utama.

"Kita sama-sama memahami bahawa sembahyang itu wajib ditunaikan tanpa mengira keadaan fizikal seseorang, sama ada dia berupaya atau Orang Kurang Upaya (OKU), sihat ataupun sakit dan seumpamanya, selagi akal masih waras," jelas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Kebawah DYMM seterusnya bertitah menegaskan pihak-pihak agensi yang berkenaan sangatlah mustahak untuk mengadakan pelbagai program pengukuhan ugama di tempat-tempat yang sesuai termasuk masjid dan seumpamanya.

"Beta amat gembira dengan

usaha Kementerian Hal Ehwal Ugama melibatkan pelbagai agensi dan badan-badan persatuan termasuk kalangan belia bagi sama-sama menyemarakkan lagi suasana keilmuan dan peribadatan di masjid-masjid, surau-surau dan balai ibadat termasuk dalam bangunan-bangunan kementerian atau jabatan.

"Beta melihat satu contoh pengisian yang bagus ialah 'Program Munajat' yang diisi dengan bacaan surah-surah pilihan, zikir-zikir, doa dan tazkirah, yang sehingga kini masih terus dilaksanakan, yang pada hemat beta program tersebut boleh diperkasakan lagi," tambah baginda lagi.

Justeru itu, Kebawah DYMM bertitah menekankan supaya pihak-pihak berkenaan akan sama-sama memastikan bahawa program pendidikan adalah benar-benar terarah dan terlaksana dengan sebaik-baiknya tanpa mengabaikan kemudahan pendidikan bagi OKU.

"InsyaaAllah, dengan cara demikian, bangsa dan negara ini akan beroleh berkat dan pemeliharaan Allah Subhanahu Wata'ala," ujar baginda lagi.

Terdahulu, Kebawah DYMM berasa bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

dengan limpah rahmat-Nya juga dapat berkumpul bagi meraikan dan memperingati peristiwa Israk dan Mikraj Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Baginda menyambut baik tema sambutan pada tahun ini, iaitu 'Sembahyang Tiang Ugama'.

Kebawah DYMM seterusnya bertitah bahawa Imam at-Tirmizi dalam kitab Jami'nya meriwayatkan daripada Mu'adz bin Jabal Radhiallahu 'Anhu, bahawa Nabi Muhammad Sallallahu

Alaihi Wasallam telah bersabda maksudnya : "Asas ugama (Islam) itu ialah (melafazkan dua kalimah syahadat), sementara tiangnya pula ialah sembahyang dan kemuncaknya berjihad (pada jalan Allah)".

Demikian hebatnya kedudukan sembahyang itu jelas titah baginda, sehingga diumpamakan sebagai tiang agama, dan sembahyang adalah ibadat paling utama dalam Islam dan yang pertama akan dihisab di akhirat kelak.

Dalam hubungan itu, Kebawah DYMM bertitah mengumpamakan bahawa bangunan tidak akan terbina tanpa tiang, maka demikian itulah juga dengan Islam tidak akan tegak terbina tanpa sembahyang selaku tiangnya.

"Sesungguhnya barang siapa yang menunaikan sembahyang bererti dia menegakkan agamanya, dan barang siapa yang meninggalkan sembahyang, bererti dia meruntuhkan agamanya," titah baginda lagi.



WAKTU SEMBAHYANG

Februari MASIHI	HARI	Rejab HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
10	SABTU	29	5.07	5.17	6.36	6.59	12.36	3.56	6.33	7.44
11	AHAD	1 Syaaban	5.07	5.17	6.36	6.59	12.36	3.56	6.33	7.44
12	ISNIN	2	5.07	5.17	6.36	6.59	12.36	3.55	6.33	7.44
13	SELASA	3	5.07	5.17	6.36	6.59	12.36	3.55	6.33	7.44
14	RABU	4	5.07	5.17	6.36	6.58	12.35	3.55	6.33	7.44
15	KHAMIS	5	5.07	5.17	6.35	6.58	12.35	3.55	6.33	7.44
16	JUMAAT	6	5.07	5.17	6.35	6.58	12.35	3.55	6.33	7.44

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI



	SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan	31 25 °C 	31 26 °C 	31 25 °C 
Pekan Bangar	31 25 °C 	31 26 °C 	31 25 °C 
Pekan Tutong	31 25 °C 	31 26 °C 	31 25 °C 
Kuala Belait	30 25 °C 	29 25 °C 	31 25 °C 

WallahuAlam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 10 FEBRUARI 2024

Elakkan tabiat terlalu bergantung kepada teknologi

PENGUNAAN teknologi pada masa kini semakin berleluasa dan menjadi sebahagian daripada kehidupan seharian kita. Walaupun teknologi telah banyak mempermudah kerja-kerja harian kita dan terbukti banyak manfaatnya, terlalu berharap atau bergantung kepada teknologi boleh membawa impak negatif kepada kita.

Antara perkara yang boleh menyumbang kepada tabiat terlalu bergantung kepada teknologi adalah seperti penggunaan telefon pintar yang berlebihan, bergantung semata-mata pada sumber digital untuk mendapatkan maklumat, menyelesaikan pelbagai tugas dengan menggunakan peranti elektronik dan terlalu banyak menghabiskan masa menggunakan media sosial. Selain daripada itu, contoh lain yang menunjukkan kebergantungan lebih kepada teknologi adalah seperti menggunakan peranti elektronik untuk ketersambungan (kepada internet) secara berterusan untuk bermacam-macam aktiviti dalam talian, bergantung semata-mata pada aplikasi navigasi untuk mencari tempat atau arah untuk menuju kesesuatu tempat dan penggunaan alat automatik yang berlebihan.

Apabila kita terlalu bergantung kepada teknologi ia boleh membawa kesan-kesan negatif seperti mengurangkan kemahiran berfikir kritis dan meningkatkan potensi pengasingan sosial. Selain itu, ia juga boleh mendatangkan isu-isu kesihatan fizikal seperti ketegangan mata atau postur yang lemah dan menjejaskan kesihatan mental kita. Tabiat terlalu bergantung kepada teknologi boleh terjadi kepada sesiapa sahaja tidak mengira umur. Akan tetapi, apa yang dapat dilihat, tabiat terlalu bergantung kepada teknologi adalah lebih ketara dalam kalangan generasi muda, seperti remaja dan golongan belia, yang telah dilahirkan atau dibesarkan dalam era penggunaan teknologi berleluasa.

Adalah penting untuk kita sentiasa ingat akan kesan-kesan negatif kebergantungan kepada teknologi yang berlebihan. Kita perlu menamai sifat bertanggungjawab sebagai pengguna teknologi dan melatih diri kita untuk celik dengan penggunaan teknologi. Kita perlu tahu mempraktikkan keseimbangan dalam menggunakan teknologi dan peka terhadap kesan-kesan psikologi dan sosial daripada penggunaan teknologi yang berlebihan.

Untuk mengelak daripada terlalu bergantung pada teknologi, apa yang kita boleh praktikkan adalah untuk menetapkan masa di mana, dalam sehari itu, kita mengehadkan masa atau menetapkan beberapa jam di mana kita melakukan aktiviti atau sesuatu yang tidak memerlukan teknologi. Dalam masa ini, kita melatih diri kita untuk membebaskan diri daripada teknologi, internet dan penggunaan peranti elektronik. Antara aktiviti yang boleh dilakukan dalam masa ini adalah seperti bersenam, membaca buku, mengemas rumah, beribadah atau berjumpa dan melakukan aktiviti sosial bersama keluarga atau teman-teman secara bersemuka dan bukan dalam talian. - **Ketua Penyuntingan (Nr)**

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNGI AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBAR INI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

تدريبتكن اوله جابتن فتراغن، جابتن فردان منتري دان دجيتق اوله قرينت فلس سنديرين برحد، نكارا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS SAMBUTAN ISRAK, MIKRAJ



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda (atas dan atas kanan).

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor /
Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BERAKAS, Khamis, 8 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara bagi Tahun 1445 Hijrah yang diadakan di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, hari ini.

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja di ICC dialu-alukan dengan paluan hadrah oleh para mahasiswa dari Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

Menjunjung keberangkatan tiba baginda ialah Yang Di-Pertua

Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1445 Hijrah; Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof; Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM, Yang Mulia Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd Hanifah; Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid selaku Pengerusi Unified National Networks (UNN); serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi yang lain.

Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara bagi Tahun 1445 Hijrah yang membawa tema 'Sembahyang Tiang Ugama' itu dimulakan dengan bacaan Al-Quran dengan format Zainul Qur'an, ayat 1 hingga 11 Surah Al-Mu'minuun oleh tiga orang adik-beradik.

Mereka ialah Pengiran Muhammad Adibul Amin bin Pengiran Haji Marjuki, naib johan qari Musabaqah Tiawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur Malaysia Tahun 2016 dan 2017 dan lapan kali mendapat johan qari Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan; Pengiran Muhammad Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki, johan qari Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi dan pernah mewakili Musabaqah Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa di Kuwait serta mewakili Musabaqah Membaca Al-Quran Peringkat Antarabangsa Jakarta dan; Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki, johan qariah Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 2021 Masihi serta johan qariah Musabaqah Tilawah Al-Quran Peringkat Belia Asia Tenggara Tahun 2020.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dalam ucapannya menyebarkan bahawa



penganjuran Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara tahun ini adalah bekerjasama dengan JPM, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Syarikat UNN.

"Kerjasama yang diaturkan sedemikian yang melibatkan sektor-sektor kerajaan dan swasta secara bergilir adalah tanda dukungan padu oleh semua unsur dalam negara terhadap dasar Kerajaan Kebawah Duli Tuan Patik mensyiarkan Islam - ugama rasmi - dengan mempromote ajaran-ajarannya tanpa menjejaskan ugama-ugama lain diamalkan secara aman oleh penganut-penganutnya - sebagaimana yang ditetapkan oleh Perlembagaan Negara.

"Dalam hubungan itulah kita konsisten menyambut hari-

hari bersejarah Islam seperti yang ditandai dalam kalendar kebangsaan kita, sesuai dengan dasar mensyiarkan Islam dan mempromote ajaran-ajarannya itu," sembah Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, dalam peristiwa Allah mengisrak dan memikrajkan Junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam kita pilih aspek solat atau sembahyang yang disifatkan sebagai tiang ugama yang difardukan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dalam peristiwa yang sangat menakjubkan itu.

>> Muka 4



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dalam sembah ucapannya (atas), manakala gambar kiri, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.



BACAAN Al-Quran dengan format Zainul Qur'an, ayat 1 hingga 11 Surah Al-Mu'minuun oleh tiga orang adik-beradik (kiri), manakala gambar atas, Persembahan Selawat An-Nur oleh gabungan para pegawai dan kakitangan JPM, KKBS dan UNN.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda serta adinda baginda berkenan beramah mesra serta menerima junjung ziarah (atas dan bawah). Manakala gambar atas kanan, baginda berkenan bergambar ramai.



>> Muka 3

Daripada tema itulah sembah Yang Berhormat, aspek-aspek sekitar ibadat sembahyang akan diperkatakan seperti mustahaknya ia ditunaikan dengan khushuk sebagai usaha menjadi orang-orang beriman yang berjaya antaranya ialah yang khushuk sembahyangnya. Sejurus selepas itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan titah.

Majlis diteruskan dengan Persembahan Selawat An-Nur oleh gabungan para pegawai dan kakitangan JPM, KKBS dan UNN. Kemudian diikuti dengan Ceramah Khas bertajuk 'Sembahyang Tiang Ugama' disampaikan oleh Naib Canselor Universiti Islam Selangor, Malaysia, Yang Berbahagia Dato' Profesor Madya Dr. Muhammad Farid Ravi bin Abdullah.

Majlis turut diserikan

dengan Persembahan Khas berbentuk tayangan video yang mengetengahkan muallaf, Belia Asy-Syahadah dan Persatuan Nurul Islam di bawah PDI, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), yang menceritakan bagaimana tertariknya dua orang belia muallaf memilih agama Islam sebagai pegangan dan bagaimana sembahyang membentuk mereka menjadi Muslim sejati.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned bagi memohon berkat dan rahmat pada majlis yang berkebakaran ini.

Pada 27 Rejab setiap tahun, umat Islam di seluruh dunia akan mengadakan Majlis Memperingati Sambutan Israk dan Mikraj. Israk dan Mikraj adalah salah satu mukjizat

terbesar yang dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada Junjungan Agung Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Penghormatan dan kemuliaan ini dianugerahkan kepada Baginda dengan suatu keajaiban yang sangat besar maknanya dalam sejarah kehidupan Baginda, Rasul pilihan-Nya itu.

Memperingati Israk dan Mikraj Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bukanlah hanya sekadar mengetahui ia terjadi pada 27 Rejab sahaja, bahkan sewajarnya memperingati dengan mengambil segala iktibar dan pengajaran serta hikmah yang tersirat di sebalik peristiwa tersebut. Peringatan dan pengajaran di dalamnya merupakan sebagai titik tolak dan ukuran di mana kita akan ditempatkan untuk kehidupan di akhirat kelak. Majlis dikendalikan bersama oleh KHEU, JPM, KKBS, Pusat Da'wah Islamiah dan UNN.



JAGA SEMBAHYANG, CAPAI KESEMPURNAAN HIDUP

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BERAKAS, Khamis, 8 Februari. - Kekuatan seorang Mukmin adalah pada sembahyangnya. Jika ia ingin mengukuhkan kehidupannya, maka ibadah sembahyangnya perlu diperbetulkan kerana sembahyang itu merupakan tiang ugama.

Selagi mana tiang itu kuat, tidak akan ada ribut taufan yang akan meruntuhkan. Kalau tiang itu benar-benar kukuh, maka ingatlah kehidupan kita juga akan terus kukuh. Hubungan kita dengan Allah Subhanahu Wata'ala saban tahun akan menjadi satu hubungan yang sangat baik.

Demikian antara inti pati ceramah yang disampaikan oleh Naib Canselor Universiti Islam Selangor, Malaysia, Yang

Berbahagia Dato' Profesor Madya Dr. Muhammad Farid Ravi bin Abdullah dalam Ceramah Khas bertajuk 'Sembahyang Tiang Ugama' pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara bagi Tahun 1445 Hijrah yang diadakan di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Yang Berbahagia Dato' Profesor Madya Dr. Muhammad Farid Ravi berkata, sembahyang itu bukan sebagai bebanan atau menyusahkan, bahkan sembahyang ini ada seribu satu rahsia yang kita perlu lihat, sebagai satu amalan yang mendekatkan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan apa yang diperintahkan oleh Nabi

Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Tambahnya lagi, sembahyang adalah amalan harian, rutin dan janji temu dengan Allah Subhanahu Wata'ala di mana ia menjadi pencuci dosa setiap hari. Apabila masuk waktu, kita sembahyang dengan sempurna, maka gugurlah dosa-dosa.

Menurut Yang Berbahagia Dato' Profesor Madya Dr. Muhammad Farid Ravi, sembahyang itu juga mampu mengeluarkan manusia daripada terus lemas dengan urusan duniawi. Allah Subhanahu Wata'ala jelasnya, memuji golongan yang tidak lalai daripada mengingati-Nya, golongan yang tidak pernah lalai mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat dan sebagainya.

Ini kerana dalam kesibukan kita perihai urusan dunia, kita perlu ingat bahawa rezeki itu datang dari Allah Subhanahu Wata'ala

jua, malah pangkat dan jawatan, kesenangan, kesihatan dan kehidupan itu semuanya daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Yang Berbahagia Dato' Profesor Madya turut menyeru umat Islam agar jangan pernah meninggalkan sembahyang, melambatkan atau memberi alasan melalaikan sembahyang.

"Pastikan ahli keluarga kita menunaikan sembahyang. Pesan dan ajar anak-anak bersembahyang seawal umur 7 tahun dan apabila mencapai umur 10 tahun, boleh diberikan teguran. Pastikan di rumah bersinar cahaya nur dengan sembahyang. Hidupkanlah suasana sembahyang berjemaah," jelasnya.

Dalam ceramahnya, Yang Berbahagia Dato' Profesor Madya Dr. Muhammad Farid Ravi turut menceritakan kembali peristiwa Israk dan Mikraj yang terjadi pada 27 Rejab Tahun ke-12 dari masa kenabian Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Tarikh itu jelasnya, bersamaan 622M iaitu ketika Nabi berumur 52 tahun, setahun sebelum Hijrah dari Mekah ke Madinah di mana tahun ini juga dikenali sebagai tahun kesedihan kerana bapa saudara Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, Abu Talib dan isteri kekasih hati Baginda Ummul Mukminin Khadijah binti Khuwailid meninggal dunia.

Kemuncak Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam

dimikrajkan ialah bagi menerima perintah sembahyang, berbanding dengan perintah kefarduan yang lain yang diperintahkan di bumi melalui perantaraan Jibril Alaihissalam sekali gus memperlihatkan kepentingan dan keutamaan sembahyang berbanding dengan ibadat-ibadat yang lain.

Perjalanan luar biasa yang berlangsung secara singkat dalam waktu semalam tersebut bukanlah dongeng semata, melainkan bukti nyata kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala. Semoga dengan tema 'Sembahyang Tiang Ugama' hendaknya perintah sembahyang dipelihara dan ditingkatkan kualitinya serta mengajak anak isteri serta ahli keluarga menjaga sembahyang demi mencapai kesempurnaan hidup di dunia dan juga akhirat.



CERAMAH Khas disampaikan oleh Naib Canselor Universiti Islam Selangor, Malaysia, Yang Berbahagia Dato' Profesor Madya Dr. Muhammad Farid Ravi bin Abdullah.



ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan (kiri dan kanan).

Penekanan kepentingan sembahyang dalam kehidupan

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj bagi Tahun 1445 Hijrah (kiri) manakala gambar bawah tengah, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

>> Muka 1

Atur cara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah, diikuti dengan bacaan Surah Al-Isra', ayat 1 hingga 7 dan Ceramah Khas yang bertajuk 'Sembahyang Tiang Agama', disampaikan oleh Pensyarah di Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam (FPPI) Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Mohammad Hilmy Baihaqy bin Haji Awang Yussof.

Inti pati Ceramah Khas tersebut antara lain memperingati peristiwa agung Israk dan Mikraj Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan mengangkat kepentingan sembahyang dalam kehidupan, bukan sahaja dari segi

kerohanian bahkan juga dari aspek mental dan fizikal.

Beliau juga turut menekankan akan kepentingan peranan sembahyang sepertimana hadis daripada Mu'adz bin Jabal bahawa Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda "Pokok segala urusan adalah Islam, tiangnya adalah solat dan kemuncaknya adalah berjihad". (Hadis Riwayat Imam Tarmizi).

Juga hadir, Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin serta seluruh peringkat kepimpinan dan warga Kementerian Pertahanan.

Turut dijemput bagi sama-sama memeriahkan majlis tersebut adalah Ketua Kampung Jaya Setia dan Kampung Jaya Bakti merangkap Pemangku Ketua Kampung Burong Pingai Berakas; dan Pemangku Ketua Kampung Serusop dan Kampung Delima Satu; dan Pegawai Penyelaras Kadet Tentera ABDB dari Jabatan Pendidikan Kokurikulum.



CERAMAH Khas disampaikan oleh Pensyarah di Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Mohammad Hilmy Baihaqy bin Haji Awang Yussof.



Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia
Sila muat turun

PenggunaBijak

Download on the App Store | Get it on Google Play

DOA KESYUKURAN SEMPENA ULANG TAHUN PENUBUHAN TAP

Siaran Akhbar dan Foto : Tabung Amanah Pekerja



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Kesyukuran dan seterusnya menyampaikan sumbangan kepada penerima (kiri dan kanan).

majlis, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah TAP.

Majlis berkenaan juga turut dihadiri oleh Ahli-ahli Lembaga TAP, Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Polisi Sumber Tenaga Manusia, Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan pegawai serta kakitangan TAP.

Majlis diisikan dengan bacaan Ratib Al-Attas, Doa Selamat dan



Doa Kesyukuran yang diakhiri dengan penyampaian sumbangan kepada Pertubuhan WARGAMAS yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis sambutan berkenaan adalah bagi melafazkan tanda kesyukuran serta merayakan Penubuhan Ulang Tahun TAP Ke-31 Tahun.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 Februari. - Sempena Ulang Tahun Penubuhan Tabung Amanah Pekerja (TAP) Ke-31 Tahun, TAP menganjurkan Majlis Doa Kesyukuran pada Rabu, 26

Rejab 1445 Hijrah bersamaan 7 Februari 2024 Masihi bertempat di Bangunan Persekutuan Guru-guru Melayu Brunei (PGGMB), Bandar Seri Begawan.

Hadir selaku tetamu kehormat

HAYATI, DALAM AYAT AL-QURAN



YANG Berhormat Mufti Kerajaan menyampaikan ceramah pada Majlis Tadabbur Al-Quran Perdana Bersama Mufti (kiri), manakala gambar bawah kanan, Naib Canselor UBD hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Metwalli al-Sha'rawi Rahimahullah, bekas mufti dan Syeikh al-Azhar, di mana beliau itu telah memenuhi sebulan penuh Ramadan, dengan ceramah menafsir Al-Quran bertempat di masjid-masjid.

Dengan memegang naskhah Al-Quran di tangan tambah Yang Berhormat, Al-Imam Metwalli al-Sha'rawi Rahimahullah berceramah mengupas dan menafsir surah demi surah dan ayat demi ayat, tanpa memberi peluang untuk mata kita mengantuk tetapi sering-sering mengucapkan "Subhanallah, Allahuakbar" kerana kagum dengan penyampaian penceramah dan sekali gus menandakan penceramah dan pendengar sama-sama mentadabbur ayat-ayat yang dibaca dan dikupas itu.

Ini ujar Yang Berhormat, bolehlah disifatkan sebagai tadabbur peringkat tertinggi dan kita orang awam, juga mentadabbur Al-Quran dengan hanya disesuaikan sahaja

caranya.

"Kalau kita mungkin tidak mampu untuk mengikut cara al-Imam Metwalli al-Sha'rawi, kita pakailah cara yang kita mampu.

Misalnya kita pilih mentadabbur ayat-ayat yang senang paling pendek dalam Al-Quran seperti : *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Adakah semua kita sudah mentadabbur ayat yang paling pendek ini? Ya, jangan lupa, *Bismillahir Rahmanir Rahim* adalah ayat Al-Quran. Ia ada di setiap awal surah kecuali Surah at-Taubah.

Siapakah yang sudah mentadabbur selain membacanya? Mentadabbur mengenai makna? Mentadabbur apa manfaatnya? Mentadabbur keberkatannya? Dan lain-lain," terang Yang Berhormat lagi.

Turut hadir ialah Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Japar bin Haji Mat Dain @Maidin.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Imam Masjid UBD, diteruskan dengan Sesi Tadabbur Al-Quran Perdana dan diakhiri dengan bacaan Doa

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



Selamat.

Inisiatif berkenaan dianjurkan oleh Unit Kerohanian dan Khidmat Masyarakat (UKKM), Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) bekerjasama dengan Persatuan Mahasiswa UBD (PMUBD).

Turut hadir memeriahkan majlis tersebut ialah para penolong Mufti, pegawai, pensyarah, orang awam, Jemaah Takmir Masjid UBD, pelajar-pelajar dari beberapa Institut Pengajian Tinggi, dan pelajar-pelajar UBD.

>> Muka 1

"Guru saya yang mengajar bahasa Arab, setakat membaca Surah Al-Fatihah pun, dia menangis. Menangis sungguh-sungguh sehingga teresak-esak. Mengapa dia menangis? Kerana faham, faham dengan mendalam akan maksud ayat-ayat dalam Al-Fatihah itu. Inilah namanya, dia membaca sambil mentadabbur," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan tentang Al-Imam



ANTARA yang hadir pada Majlis Tadabbur Al-Quran Perdana Bersama Mufti (atas dan kanan).





Sentiasa Mengekalkan Jarak Selamat



Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA


Always Wear a seatbelt


No mobile phones while driving


Speeding is dangerous


Do not drive under influence


Wear helmet and proper attire while riding


Always watch out for other road users


Always check tyres

www.mkkjr.gov.bn



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Lakukan Perubahan Dalam Mencegah, Merawat Kanser'. Tarikh Tutup : 14 Februari 2024
2. 'Lindungi Hidupan Liar *Kitani*'. Tarikh Tutup : 21 Februari 2024
3. 'Menjayakan Wawasan Negara'. Tarikh Tutup : 28 Februari 2024

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

KONGSI INISIATIF DALAM MEMPERKASA PENGLIBATAN WANITA



YANG Berhormat Ahli-ahli MMN bergambar ramai pada Mesyuarat Penyelaras Komite Parlimen Wanita AIPA (Women of AIPA-WAIPA) yang diadakan pada 6 Februari 2024 yang berlangsung di Vientiane, Republik Demokratik Rakyat Lao.

VIENTIANE, REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT LAO, Rabu, 7 Februari. - Mesyuarat Penyelaras Komite Parlimen Wanita AIPA (Women of AIPA-WAIPA) (Coordinating Committee Meeting of Women Parliamentarians of AIPA (WAIPA) diadakan pada 6

Februari 2024 yang berlangsung di Vientiane, Republik Demokratik Rakyat Lao.

Majlis Mesyuarat Negara (MMN) diwakili oleh Ahli-ahli MMN, Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abdul Salam dan Yang Berhormat Dayang Chong

Chin Yee.

Mesyuarat yang bertemakan 'Fostering Gender-Responsive Parliaments for a Resilient, Connected, and Inclusive ASEAN Community' berkenaan dianjurkan oleh Dewan Perwakilan Rakyat Republik Demokratik Rakyat Lao,

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

dengan objektif bagi menyokong perjalanan Mesyuarat Komite WAIPA sewaktu Perhimpunan Agung AIPA Ke-45 di Republik Demokratik Rakyat Lao pada Oktober 2024 nanti.

Ahli-ahli MMN mengongsikan inisiatif Negara Brunei Darussalam dalam memperkasa penglibatan wanita di peringkat nasional dan antarabangsa, di samping bertukar-tukar pandangan dan amalan terbaik melalui perkongsian perwakilan dari Negara Ahli AIPA.

Terdahulu sebelum Mesyuarat Penyelaras diadakan, Ahli-ahli MMN juga menghadiri acara sampingan, iaitu Forum Pemimpin Politik Wanita (Women Political Leaders Forum).

Forum Pemimpin Politik Wanita berkenaan menetengahkan topik-topik bagi mengukuhkan penyertaan dan kepimpinan wanita melalui kerjasama yang teguh yang antaranya penglibatan dan kepimpinan wanita di dalam aspek politik dan ekonomi termasuk *care economy* serta hubungan dan kerjasama antara generasi

pemimpin wanita (*intergenerational cooperation*).

Turut diadakan ialah Bengkel Projek WAIPA 2.0 (WAIPA Project Workshop 2.0) yang membincangkan kerangka kerja pelaksanaan bagi draf Pelan Tindakan Menggalakkan Penyertaan Politik dan Kepimpinan Wanita (Plan of Action to Promote Women's Political Participation & Leadership).

Pelan tindakan berkenaan adalah mercu tanda bagi menggalakkan tadbir urus inklusif dan kepimpinan di ASEAN yang menggariskan tindakan-tindakan konkrit yang akan diusahakan oleh negara-negara Ahli AIPA pada tahun mendatang.

Mesyuarat berkenaan dihadiri oleh lebih 50 perwakilan daripada parlimen negara-negara ASEAN termasuk para ahli panel daripada pelbagai pertubuhan-pertubuhan antarabangsa antaranya Pertubuhan Wanita Bangsa-bangsa Bersatu (United Nations Women) dan Canada Fund for Local Initiatives (CFLI).

Ceramah Khas serikan Sambutan Israk, Mikraj



YANG Berhormat Ahli MMN hadir selaku tetamu kehormat pada Ceramah Khas berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 8 Februari. - Seramai 60 pelatih daripada Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), pegawai-pegawai kanan di Jabatan Hal Ehwal Masjid, ahli-ahli jawatankuasa takmir, jemaah

dan penduduk kampung sekitar Masjid Serdang telah menghadiri Ceramah Khas yang berlangsung di masjid berkenaan, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang

Lawi bin Haji Lamat selaku Ketua Kampung Subok dan Pemangku Penghulu Mukim Kianggeh. Turut hadir, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Ceramah Khas anjuran Masjid Serdang melalui Jawatankuasa Takmir Masjid tersebut disampaikan oleh Penolong Kanan Profesor, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Harapandi bin Dahri dengan tajuk 'Sembahyang Tiang Ugama'.

Antara inti pati ceramah ialah kemuncak dalam peristiwa Israk dan Mikraj adalah sembahyang. Sembahyang merupakan tiang dalam agama Islam di mana ia melebihi kewajipan yang lain seperti puasa, zakat dan haji kerana kewajipan sembahyang

ANTARA yang hadir pada majlis tersebut.



Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

diterima langsung daripada Allah Subhanahu Wata'ala sewaktu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bertemu dengan Allah Subhanahu Wata'ala pada malam Mikraj tanpa perantaraan.

Majlis ini merupakan aktiviti takmir dan keagamaan yang dikendalikan oleh Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Serdang sempena sambutan memperingati peristiwa agung Israk dan Mikraj ini.

Di samping itu, ia juga bagi mengeratkan lagi hubungan silaturahim khususnya dalam kalangan pegawai-pegawai masjid, ahli-ahli jawatankuasa takmir, jemaah dan penduduk kampung dan pada masa yang sama sebagai usaha mengimarahkan

khususnya Masjid Serdang.



CERAMAH Khas disampaikan oleh Penolong Kanan Profesor, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Harapandi bin Dahri.

PERKASA PENDIDIKAN TEKNOLOGI BAGI PEMBANGUNAN KAPASITI



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) selaku Penghulu Mukim Bukit Sawat hadir selaku tetamu kehormat majlis.

**Siaran Akhbar dan Foto : Pihak Berkuasa Industri Teknologi
Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam**

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 Februari. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Perkembangan Kurikulum dengan kerjasama Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) hari ini mengadakan Majlis Penyampaian Hadiah bagi Pertandingan Akhir Projek Rintis Coding with Smart Devices for Government Schools bertempat di Dewan Puteri, Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI).

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman selaku Penghulu Mukim Bukit Sawat.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Ketua Eksekutif, AITI, Ir. Awang Haji Jailani bin Haji Buntar; Pengarah Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Ali Hamdani bin Haji Muhammad Diah; pegawai-pegawai kanan serta pemimpin-pemimpin sekolah.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa.

Ketua Eksekutif, AITI, Ir. Awang Haji Jailani dalam ucapan alu-aluannya menggariskan Coding dan *computational thinking* merupakan kemahiran yang amat integral dan penting, selaras dengan era pendigitalan, yang membolehkan pelajar-pelajar mengkonseptualisasikan,

memahami dan menggunakan teknologi komputer untuk menyelesaikan masalah.

"Kemahiran seumpama ini sangatlah berpotensi bagi negara melahirkan lebih ramai lagi tenaga kerja dalam kalangan Software Developers, Artificial Intelligence Engineers, Robotics Engineers dan Data Scientists yang diperlukan di pasaran masa kini dan masa hadapan," tambahnya.

Dengan sokongan padu dari pihak-pihak yang berkepentingan, jelasnya, pihak AITI akan terus komited dan bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif pembangunan kapasiti digital pada masa akan datang.

Beliau turut menekankan, pekerjaan-pekerjaan pada masa depan akan bergantung kepada penyelesaian digital dan teknologi, adalah penting bagi usaha ini diteruskan dengan memperluaskan program pengekodan dan pemikiran komputasional dari pendidikan awal kanak-kanak lagi, bagi membentuk generasi baru yang mahir dalam penguasaan digital dan untuk memenuhi keperluan kemahiran tersebut pada masa kini dan masa depan.

Majlis diteruskan dengan perkongsian mengenai dengan hasil projek rintis yang disampaikan oleh Pengarah Syarikat FutureChamp, Wong Teck Sion selaku Fasilitator

Projek.

Seterusnya, tetamu kehormat dijemput bagi menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang Pertandingan Akhir Coding with Smart Devices for Government School.

Muncul juara bagi Kategori Ring:bit (Sekolah Rendah) disandang oleh Team Kembayau dari Sekolah Rendah Rimba III; Tempat Kedua dimenangi oleh Team NetZen dari Sekolah Rendah Katok 'A' dan Tempat Ketiga diberikan kepada Microkids dari Sekolah Rendah Mabohai.

Sementara Kategori Maqueen (Sekolah Menengah) dimenangi oleh Team Delite dari Sekolah Menengah Menglait, Gadong; Tempat Kedua diberikan kepada Team Robotech dari Sekolah Menengah Menglait, Gadong dan Tempat Ketiga diraih oleh Team Ranch dari Sekolah Menengah Tanjong Maya, Tutong.

Sejurus selepas penyampaian hadiah, tetamu kehormat kemudiannya meneruskan lawatan ke demonstrasi penggunaan alat-alat peranti pintar yang dihasilkan oleh para pemenang.

Projek Rintis Coding with Smart Devices ini merupakan salah satu usaha sama Kementerian Pendidikan dan AITI untuk meningkatkan kemahiran pengekodan dan pemikiran komputasional dalam kalangan pelajar melalui pembelajaran menggunakan alat peranti pintar, iaitu Bee-Bot dan Micro:bit.

Projek tersebut telah bermula pada bulan Julai 2023 di mana pada keseluruhannya, melibatkan seramai 35 guru dan 195 pelajar Tahun 4, 5, 7 dan 8 dari empat sekolah rendah dan empat sekolah menengah kerajaan yang terpilih.

Pada penghujung projek ini, satu pertandingan telah diadakan untuk menilai tahap kefahaman para pelajar di dalam pembelajaran menggunakan alat peranti pintar berkenaan.

Pertandingan akhir yang diadakan pada awal pagi tadi telah disertai oleh 12 buah kumpulan dari sekolah rendah dan 12 kumpulan dari sekolah menengah yang terlibat.

Dengan adanya program-program kemahiran ini, adalah diharap ia dapat mendorong dan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran serta minat para pelajar untuk berkecimpung dalam bidang ICT khususnya dalam kemahiran pengekodan.

Pihak AITI akan terus mendukung perkembangan negara di dalam sektor ICT melalui pembangunan kapasiti digital dalam kalangan rakyat dan perniagaan, khususnya di dalam kemahiran dan keupayaan digital baharu agar negara dapat terus berdaya saing dan menyumbang secara berkesan dalam ekonomi digital di era Revolusi Industri 4.0.



YANG Berhormat Ahli MMN dijemput bagi menyampaikan hadiah kepada pemenang Pertandingan Akhir Coding with Smart Devices for Government School.

Pastikan berurusan dengan Ejen Pelancongan berlesen

Siaran Akhbar : Jabatan Kemajuan Pelancongan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 Februari. - Jabatan Kemajuan Pelancongan ingin mengongsikan kepada orang ramai senarai Ejen-ejen Pelancongan terkini pada tahun 2024.

Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Jabatan Kemajuan Pelancongan adalah pengawal selia bagi Ejen Pelancongan di Brunei Darussalam iaitu seperti yang terkandung di dalam Akta

Pelancongan, Penggal 239.

Untuk makluman, mana-mana syarikat yang berhasrat untuk mengendalikan sebarang aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan Ejen Pelancongan mestilah membuat permohonan ke Jabatan Kemajuan Pelancongan bagi mendapatkan lesen.

Seterusnya, bagi syarikat yang sudah berlesen dan bercadang untuk mengendalikan perkhidmatan haji ataupun umrah hendaklah mendapatkan kebenaran daripada Jabatan Urusan Haji, Kementerian

Hal Ehwal Ugama.

Dalam hubungan ini, Jabatan Kemajuan Pelancongan ingin menasihatkan kepada orang ramai untuk hanya membuat urusan dengan Ejen-ejen Pelancongan yang berlesen bagi sebarang tempahan tiket, pakej percutian dan sebagainya sama ada di dalam ataupun luar negeri termasuk Pakej Haji dan Umrah.

Mana-mana syarikat atau individu yang menjalankan apa-apa jua aktiviti yang berkaitan dengan Ejen Pelancongan seperti yang terkandung di dalam Akta

Pelancongan, Penggal 239 tanpa lesen yang sah maka ianya adalah menyalahi undang-undang di bawah Bab 11. (1), Akta Pelancongan, Penggal 239. Jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman iaitu denda tidak melebihi BND10,000, penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Bagi kesalahan berterusan denda maksimum BND100 setiap hari boleh dikenakan di bawah Akta yang sama.

Senarai Ejen-ejen Pelancongan tersebut akan sentiasa dikemaskinikan dan orang ramai

digalakkan untuk sentiasa merujuk laman sesawang www.tourism.gov.bn.

Jika ada sebarang pertanyaan lanjut berkaitan dengan Ejen-ejen Pelancongan, orang ramai bolehlah menghubungi talian +673 2382805 / +673 2382803 di waktu pejabat ataupun berhubung melalui e-mel enforcement@tourism.gov.bn.

Orang ramai juga boleh membuat aduan bagi Ejen-ejen Pelancongan yang disyaki tidak mempunyai lesen yang sah melalui talian dan e-mel yang sama.

KERJAKAN SEMBAHYANG, TANDA SYUKUR KEPADA ALLAH

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa hadir pada Majlis Forum Khas (atas kanan), manakala gambar atas, Ahli-ahli panel dan moderator forum berkenaan.

BERAKAS, Jumaat, 9 Februari. - Bagi menyemarakkan lagi Sambutan Israk dan Mikraj bagi Tahun 1445 Hijrah, Jawatankuasa Takmir Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (SSBRPAD), Kampung Manggis / Madang mengadakan Majlis Forum Khas sempena memperingati peristiwa bersejarah berkenaan dengan tajuk 'Sembahyang Tiang Agama'.

Ahli-ahli panel terdiri daripada Dekan Fakulti Syariah dan Undang-undang Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Profesor Dato Dr. Zulkifly bin Haji Muda; Penolong Kanan Profesor di Pusat Penyelidikan dan Pengajian Jawi dan Kitab Turath, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Harapandi bin Dahri; dan Pengarah Pusat Perhubungan

Awam dan Antarabangsa UNISSA, Dr. Haji Hambali bin Jaili.

Manakala moderator forum ialah Awang Haji Sammali bin Haji Adam. Forum tersebut antara lain menengahkan mengenai makna sembahyang sebagai tiang agama, sepertimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam satu hadis yang bermaksud : Sembahyang itu tiang agama, barang siapa yang mengerjakannya maka ia menegakkan agamanya dan barang siapa yang meninggalkannya ia meruntuhkan agamanya.

Sembahyang juga merupakan ibadah pertama yang dikerjakan di bumi ini dan manusia pertama yang mengerjakan sembahyang ialah Nabi Adam Alaihissalam ketika Baginda dikeluarkan dari syurga atas kesalahan memakan Buah



Khuldi yang dilarang oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Baginda diturunkan ke bumi pada waktu malam dalam keadaan gelap gelita, namun Baginda kemudian terpancang satu cahaya yang merupakan fajar. Sebagai tanda syukur kepada Allah, baginda menunaikan Sembahyang Subuh dua rakaat.

Hadir pada majlis tersebut, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adnan bin Begawan Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusof; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh.

Turut hadir, Penasihat-penasihat dan Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid SSBRPAD; Ahli-ahli Persatuan Orang Kurang Pendengaran, ketua-ketua kampung di bawah Mukim Berakas 'B' serta jemaah masjid.



BIBD komited perkasa pendidikan belia Brunei

Siaran Akhbar dan Foto: Bank Islam Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 9 Februari. - Program Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) Advocating Lifelong Learning for a Sustainable Future (BIBD ALAF), sekali lagi mencatatkan satu peristiwa penting dengan pemeteraian Sasiswa BIBD ALAF untuk Dayang Siti Nurul Izzah Adila.

Sebagai penerima Anugerah Biasiswa BIBD ALAF yang berprestij, beliau akan melanjutkan pelajaran ke Ijazah Sarjana Muda Farmasi (Kepujian) di Universiti Monash, Australia, salah satu daripada 50 universiti terbaik di seluruh dunia.

Hadir pada Majlis Menandatangani Perjanjian yang diadakan di Ibu Pejabat BIBD di ibu negara, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Awang Junaidi bin Haji Masri bersama-sama kakitangan dan pengurusan BIBD.

Majlis ini menandakan lebih daripada sekadar anugerah biasiswa kerana ia adalah bukti komitmen berterusan BIBD

terhadap pemerkasaan pendidikan generasi belia Brunei.

Melalui mekanisme sokongan yang komprehensif termasuk bantuan kewangan, bimbingan dan latihan khusus, BIBD ALAF berusaha untuk menyamakan kedudukan untuk pelajar yang kurang bernasib baik.

Usaha ini secara langsung menyokong Wawasan Brunei 2035, yang menggalakkan inklusiviti yang membayangkan masa depan di mana belia negara menerajui pelbagai sektor, termasuk penjagaan kesihatan, sekali gus menyumbang kepada kemakmuran negara.

Selain itu, biasiswa ini merangkumi dedikasi BIBD terhadap Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN SDG), khususnya Matlamat SDG 4, yang menyokong pendidikan berkualiti inklusif dan saksama untuk semua.

Dengan melabur dalam pendidikan belianya, BIBD bukan sahaja memudahkan pertumbuhan

dan pembangunan peribadi tetapi juga meletakkan asas untuk pembangunan negara yang mampan, sejajar dengan objektif UN SDG yang lebih luas.

Perjalanan Dayang Siti Nurul Izzah Adila menerusi Program ALAF, yang bermula pada 2014, menunjukkan potensi transformatif sokongan pendidikan yang berterusan.

Pencapaian akademik dan aspirasi beliau dalam penyelidikan perubatan menggambarkan kejayaan program dalam memberi inspirasi kepada pelajar untuk menetapkan matlamat yang bercita-cita tinggi dan menyumbang secara positif kepada masyarakat.

Usaha masa depan beliau, dalam sektor penjagaan kesihatan amat dinanti-nantikan kerana ia mewakili manfaat ketara pelaburan dalam pendidikan dan menjanjikan masa depan yang lebih cerah untuk Brunei.

BIBD mengucapkan tahniah kepada Dayang Siti Nurul Izzah Adila di atas pencapaian cemerlangnya dan menegaskan komitmen BIBD terhadap sokongan



PENGARAH Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Awang Junaidi bin Haji Masri semasa hadir pada Majlis Menandatangani Perjanjian Biasiswa BIBD ALAF bagi Dayang Siti Nurul Izzah Adila.

yang berterusan untuk belia Brunei.

Melalui inisiatif seperti Program BIBD ALAF, BIBD terus berdedikasi untuk memupuk generasi peneraju, inovator dan penyumbang kepada kesejahteraan dan kemajuan

negara ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035 dan agenda global yang lebih luas untuk pembangunan mampan.

Dayang Siti Nurul Izzah Adila berlepas ke Australia pada hari ini untuk memulakan pengajian.

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 28 Rejab 1445H/9 Februari 2024M


 جيلتان حال احوال مسجد
 JABATAN HAL EHWAL MASJID,
 KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SEMBAHYANG: MI'RAJ BAGI ORANG-ORANG YANG BERIMAN

PERISTIWA ISRA' DAN MI'RAJ

- Antara mukjizat terbesar Baginda Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam selepas al-Quran
- Nabi Muhammad SAW telah menerima perintah langsung daripada Allah SWT untuk menunaikan sembahyang fardhu lima waktu sehari semalam

ISRA'

Perjalanan Nabi Muhammad SAW pada malam hari dalam waktu yang amat singkat dari Masjidil Haram di Mekah ke Masjidil Aqsa di Palestin

MI'RAJ

Perjalanan peribadi Nabi Muhammad SAW naik dari bumi ke langit, hingga ke langit ketujuh dan Sidratul Muntaha (tempat tertinggi)

SEMBAHYANG

- Wajib dipelihara dengan bersungguh-sungguh, bukan dengan sambil lewa
- Kewajipan yang sangat besar kelebihannya

Antara hikmah di sebalik mendirikan sembahyang ialah:



Mendisiplinkan diri

Jika kita menjaga dan menekuni setiap syarat dan rukun yang telah ditetapkan, pastinya menjadi suatu latihan untuk membentuk disiplin diri



Menghapuskan dosa lama



Meningkatkan rasa kehambaan dalam diri

Sembahyang akan mengingatkan manusia kepada dirinya yang sebenar, iaitu hamba kepada Allah SWT



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad



KETUA Pegawai Operasi, Sivarajah Subramaniam yang juga Timbalan Pengetua LCB.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 Februari. – Kolej Perniagaan Laksamana (Laksamana College of Business-LCB) mengalu-alukan rakan kongsi baharu korporatnya, Netcom Computer House dan rakan media rasmi, Kristal Media Sendirian Berhad melalui pemeteraian penandatanganan perjanjian korporat yang berlangsung di Auditorium LCB, hari ini.

Penandatanganan berkenaan menandakan satu langkah penting ke arah inovasi dan kerjasama dalam Sektor Pendidikan dan Teknologi.

Melalui perkongsian strategik berkenaan, ia akan menghimpunkan kepakaran LCB, sebagai sebuah institusi pendidikan terkemuka, dengan Netcom Computer House, penyedia penyelesaian teknologi dinamik dan Kristal Media, kuasa

perintis dalam bidang teknologi dan pemasaran.

Perjanjian berkenaan ditandatangani oleh Ketua Pegawai Operasi, Sivarajah Subramaniam yang juga Timbalan Pengetua LCB; bersama Pengurus Besar Kristal Media, Jenny Malai Ali dan Pengarah Urusan Netcom Sendirian Berhad, Vincent Goh.

Hadir menyaksikan penandatanganan berkenaan ialah Pengarah Abdul Razak Holdings dan LCB, Awang Haji Suhaimei bin Haji Awang Besar.

Kerjasama berkenaan bertujuan untuk memanfaatkan kekuatan setiap rakan kongsi untuk meningkatkan dan menambah nilai kepada para pelajar dan ibu bapa di LCB.

Netcom Computer House, Kristal Media dan LCB menyedari bahawa pendidikan merupakan aspek penting dalam masyarakat.

Sehubungan dengan itu, organisasi berkenaan menyedari kepentingan mencapai Wawasan Brunei 2035 dalam menyediakan pendidikan berkualiti kepada masyarakat dan meningkatkan nilai pelajar selepas tamat pengajian.

Semasa berucap pada majlis berkenaan, Sivarajah Subramaniam menjelaskan bahawa kerjasama LCB dengan Netcom Computer House adalah bagi menawarkan Program Pembelian Rakan Kongsi (Partner Purchase Program), yang memastikan pelajar dan

LCB MEMETERAI PERJANJIAN DALAM SEKTOR PENDIDIKAN, TEKNOLOGI



PENGARAH Abdul Razak Holdings dan LCB, Awang Haji Suhaimei bin Haji Awang Besar hadir menyaksikan penandatanganan berkenaan.

kakitangan di LCB mendapat akses eksklusif dalam teknologi terkini.

"Kerjasama ini akan saling menguntungkan bukan sahaja memberikan pelajar dan kakitangan LCB alat canggih untuk perjalanan akademik mereka tetapi juga meletakkan LCB sebagai barisan hadapan institusi pendidikan yang menawarkan teknologi canggih," ujarnya.

Selain itu tambahnya, LCB akan

bekerjasama secara eksklusif dengan Kristal Media untuk pengiklanan dan usaha media pada masa akan datang.

"Kerjasama ini menandakan komitmen kami untuk kekal di barisan hadapan inovasi media."

"Kami berhasrat untuk menggunakan kepakaran Kristal Media untuk berkomunikasi secara aktif dengan khalayak kami, berkongsi pencapaian, acara

dan pendidikan kami," ujar beliau.

Dalam pada itu, LCB akan menganjurkan Hari Terbuka LCB pada 17 hingga 19 Februari 2024 dari jam 11.00 pagi hingga 8.00 malam.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, boleh berhubung terus ke LCB melalui talian +673 2238816/18 atau +673 8907927 dan melalui platform media sosial LCB di Instagram di @lcb_brunei.

Sentiasa berwaspada dengan ancaman buaya



BELAIT, Rabu, 7 Februari. - Bagi meningkatkan kesedaran orang awam mengenai isu konflik manusia dan buaya, Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Bahagian Hidupan Liar (BHL) dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) dan Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), hari ini mengadakan sesi taklimat dan

dialog bersama para penduduk di Daerah Belait.

Pengisian taklimat disampaikan oleh Ketua BHL, Awang Haji Mohammad Dinnie bin Haji Mahadi, diikuti dengan penyampaian taklimat daripada wakil JBP dan PPDB.

Konflik antara manusia dan buaya perlu ditangani dengan segera bagi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diinginkan berlaku

dan juga risiko-risiko yang tidak diduga.

Sehubungan dengan itu, antara inisiatif yang dilaksanakan ialah penubuhan Pasukan Bertindak pada April 2018, yang terdiri daripada agensi-agensi berkepentingan, iaitu BHL; JBP; dan PPDB.

Sesi taklimat yang berlangsung di Dewan Bandaran Kuala Belait, Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Setia tersebut turut dihadiri oleh Penolong Pengarah Perhutanan, Awang Mardani bin Haji Mahadi; pegawai dan kakitangan BHL, JBP dan PPDB.

Pasukan bertindak berkenaan bertanggungjawab dalam menangani aduan melalui pemasangan jail, operasi penangkapan dan

pemindahan buaya ke fasiliti di bawah kawalan Jabatan Perhutanan.

Inisiatif lain yang turut dilaksanakan oleh Pasukan Bertindak, melalui Jabatan Perhutanan, BHL adalah pemantauan kawasan yang sering ada keberadaan buaya dari semasa ke semasa dan pemasangan papan tanda amaran buaya bagi memberikan

Berita dan Foto :
Hernie Suliana Haji Othman

peringatan kepada orang ramai. Walau bagaimanapun, untuk memastikan pengurusan konflik manusia dan buaya lebih berkesan, penglibatan daripada semua pihak adalah diperlukan dalam sama-sama berganding bahu untuk memastikan keselamatan penduduk di Negara Brunei Darussalam sentiasa terjaga.

Namun demikian, orang awam juga disarankan memahami buaya dan habitatnya bagi mengurangkan ketegangan konflik daripada berlarutan, seperti mengetahui waktu buaya lebih aktif dan agresif, dan mengelakkan membuat aktiviti di kawasan berbuaya pada waktu-waktu berkenaan.

Selain itu juga, langkah-langkah lain seperti untuk mengelakkan daripada berjalan terlalu hampir dengan tebing sungai dan sentiasa mematuhi papan tanda amaran buaya juga perlu diamati bagi mengurangkan risiko serangan.

Bagi sebarang aduan, hubungi BHL di talian +673 2380207 atau e-mel info-wildlife@forestry.gov.bn dan juga Talian Kecemasan JBP 995.



PENGISIAN taklimat disampaikan oleh Ketua BHL, Awang Haji Mohammad Dinnie bin Haji Mahadi (kiri), manakala gambar atas, sesi bergambar ramai, sementara gambar kanan, antara yang hadir menyaksikan pameran.



Jadikan Al-Quran sebagai panduan hidup



AL-QURAN perlu dimanfaatkan sebagai bacaan, panduan dan pengajaran bagi membantu membentuk keperibadian yang mulia.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 8 Februari. - Al-Quran merupakan kitab petunjuk yang memberi panduan kepada umat Islam ke arah menjalani kehidupan yang lebih baik dan menyemai tingkah laku serta akhlak yang mulia.

Justeru, ayat-ayat Al-Quran perlu dimanfaatkan sebagai bacaan, panduan dan pengajaran bagi membantu membentuk keperibadian yang mulia.

Antaranya ialah dengan menjaga hubungan baik sesama manusia atau 'Hablum Minannas' bagi memupuk nilai-nilai keharmonian dan keamanan dalam hidup bermasyarakat.

Perkara berkenaan ada dijelaskan dalam firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nisa, ayat 36 : "Dan sembahlah Allah dan janganlah kamu mempersekutukannya dengan suatu apa pun. Dan berbuat baiklah kepada ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, jiran tetangga yang dekat, jiran tetangga yang jauh, rakan sejawat, orang-orang musafir yang terlantar dalam perjalanannya (yang terputus perbelanjaannya) dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang sombong dan membanggakan diri".

Juga dinyatakan dalam Surah

Al-Isra', ayat 23, yang bermaksud : "Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya kamu tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata, dan hendaklah kamu berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang daripada keduanya atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaannya, maka janganlah kamu berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan 'ah', dan janganlah kamu menengking (menyergah) mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun)".

Ayat-ayat di atas jelas menunjukkan bahawa Al-Quran mengajar kita untuk berbuat baik kepada orang-orang di sekeliling dan golongan yang kurang bernasib baik.

Kita juga diperintahkan untuk menghormati dan memuliakan ibu bapa serta melayan mereka dengan lemah lembut dan belas kasihan. Ini menunjukkan betapa pentingnya menjaga hubungan kekeluargaan dan masyarakat dalam Islam.

Al-Quran jugaturutmenekankan mengenai kepentingan bersikap jujur dan adil dalam semua aspek kehidupan, sepertimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Maidah, ayat 8 tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Jabatan Penerangan

sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah lagi menerangkan kebenaran dan jangan sekali-kali kamu benci terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan."

Oleh itu, akhlak yang baik perlu dipupuk dengan merendahkan hati dan bersikap sopan, lebih-lebih lagi dalam era teknologi ini dengan penggunaan media sosial yang berleluasa.

Kita hendaklah menjaga akhlak dan adab ketika berinteraksi dan berkomunikasi di ruang maya bagi mengelakkan budaya mengejek, mencaci, memfitnah dan menyebarkan kebencian.

Sepertimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hujurat, ayat 11 yang tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah satu kaum mengejek-ejek satu kaum yang lain, boleh jadi kaum yang diejek itu lebih baik daripada mereka, dan janganlah pula (satu

kaum) perempuan mengejek (satu kaum) perempuan yang lain, boleh jadi (kaum) perempuan yang diejek itu lebih baik daripada mereka. Dan janganlah kamu mencaci sesama kamu dan janganlah pula kamu panggil-memanggil dengan gelaran yang buruk. Seburuk-buruk panggilan ialah panggilan fasiq sesudah seseorang itu beriman. Dan sesiapa yang tidak bertaubat maka mereka itulah orang yang zalim".

Ayat berkenaan mengingatkan kita untuk menjauhi sifat angkuh serta tingkah laku menghinakan, dan menekankan kepentingan kita untuk memperlakukan orang lain dengan hormat dan bermaruah.

Di samping itu, Al-Quran juga mengajar kita untuk memaafkan dan menanam sifat sabar yang membawa kepada kedamaian dan keharmonian.

Sifat pemaaf dan sabar berkenaan antara lain dijelaskan Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah asy-Syura, ayat 43 : "Dan orang yang bersabar serta memaafkan kesalahan

orang lain terhadapnya, sesungguhnya yang demikian itu adalah daripada perkara-perkara yang sangat utama untuk dilaksanakan (digalakkan oleh syariat)".

Ayat berkenaan menggalakkan orang beriman untuk bersabar, mengawal kemarahan, dan memaafkan orang lain, yang membawa kepada perdamaian dan muhibah dalam masyarakat.

Melalui penekanan kepada keadilan, belas kasihan, kejujuran, kerendahan hati dan kemaafan, Al-Quran memberi inspirasi kepada seluruh manusia umumnya dan umat Islam khususnya, untuk berusaha mencapai kecemerlangan dengan menyemai akhlak yang baik dan hubungan sesama manusia.

Dengan berpegang kepada nilai-nilai moral yang dijelaskan dalam Al-Quran, umat Islam seharusnya berusaha untuk meningkatkan akhlak dan etika bagi menyumbang kepada kehidupan yang diberkati sama ada di dunia mahupun di akhirat.

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.pppk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

PERANAN WARGA EMAS SENTIASA DIHARGAI



GOLONGAN warga emas perlu dihargai kerana golongan ini merupakan salah satu aset yang penting dan bernilai (atas dan kanan).

TUTONG, Khamis, 8 Februari. - Golongan warga emas perlu dihargai kerana golongan ini merupakan

Berita dan Foto : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

salah satu aset yang penting dan bernilai khususnya untuk generasi pada masa hadapan. Warga emas juga merupakan nara sumber atau pakar rujukan generasi seterusnya kerana disebabkan pengalaman hidup mereka yang kaya dengan pelbagai bentuk dan juga memiliki sumber pengetahuan yang boleh memberi manfaat dan sebagai seri teladan serta panduan hidup generasi penerus.

Setentunya, di Negara Brunei Darussalam, pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam amat memberikan perhatian dan memartabatkan golongan tersebut.

Dalam usaha memperkasa dan memartabatkan golongan tersebut, pihak kerajaan telah mewujudkan jaringan keselamatan sosial melalui Skim Pemberian Pencen Umur Tua kepada rakyat dan penduduk negara yang berumur 60 tahun ke

atas yang telah pun dilaksanakan seawal tahun 1954.

Berkaitan dengan ini, warga emas yang berdaftar Jabatan Pembangunan Masyarakat menerima Pencen Umur Tua berjumlah BND250 sebulan. Skim berkenaan memuliakan golongan berharga dalam membantu mereka menyara dan menjalani kehidupan seharian.

Selain itu, golongan ini juga tidak terkecuali diberikan kemudahan perkhidmatan oleh agensi kerajaan seperti lorong laju dalam mendapatkan perkhidmatan kesihatan dan mendapatkan ubat-ubatan.

Di samping itu, dalam menangani kesejahteraan golongan tersebut beberapa Pusat Kegiatan Warga Emas telah ditubuhkan di setiap daerah di negara ini bagi memberikan mereka peluang menjalani kehidupan yang lebih proaktif dengan mengisikan masa lapang mereka dengan aktiviti-aktiviti bermanfaat seperti aktiviti



keagamaan, kemasyarakatan bahkan juga aktiviti kesukanan.

Melalui kegiatan di pusat kegiatan tersebut warga emas dapat tidak bersendirian dan dapat meningkatkan hubungan silaturahim khususnya dalam kalangan ahli pusat berkenaan agar mereka tidak merasa asing dalam menjalani kehidupan seharian.

Dalam pada itu, dalam konteks kekeluargaan dalam memeduli warga emas ini adalah sangat penting. Sebagai generasi penerus seharusnya menghormati dan memberikan kasih sayang kepada mereka lebih-lebih lagi mereka yang sudah lanjut usia yang tidak berdaya dalam menjalani kehidupan seharian seperti biasa.



Sembahyang : Mikraj bagi orang-orang yang beriman

Israk bererti perjalanan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada malam hari dalam waktu yang amat singkat dari Masjidilharam di Mekah ke Masjidil Aqsa di Palestin. Manakala Mikraj pula bererti perjalanan peristiwa Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam naik dari bumi ke langit, hingga ke langit ketujuh dan Sidratul Muntaha yang merupakan tempat tertinggi.

Di sana Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah diperlihatkan dengan berbagai-bagai kejadian dan peristiwa aneh yang menunjukkan keadaan perbuatan manusia berserta balasan yang bakal mereka terima. Selain itu, Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga telah dibawa melihat keadaan syurga dan neraka.

Sebagai hamba Allah yang beriman wajiblah mempercayai wujudnya syurga dan neraka, ia bukanlah satu rekaan semata-mata walaupun kewujudannya tidak dapat dilihat secara visual dan tidak mampu dijangkau oleh akal fikiran kita. Mempercayai adanya syurga dan neraka ini juga termasuk dalam Rukun Iman yang kelima iaitu beriman kepada hari akhirat atau hari kiamat.

Sesungguhnya setiap perilaku manusia akan dibuat perhitungan setimpal dengan amal perbuatan yang dilakukannya di dunia. Hukuman atau azab seksaan di neraka kelak pasti berlaku kepada sesiapa yang melakukan perkara-perkara keji dan mungkar.

Manakala ganjaran syurga pasti diterima bagi mereka yang sentiasa berbuat amal kebajikan dan patuh pada perintah Allah Subhanahu Wata'ala.

Israk dan Mikraj adalah salah satu peristiwa penting bagi umat Islam. Pada peristiwa tersebut Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam telah mendapat perintah langsung daripada Allah Subhanahu Wata'ala untuk menunaikan sembahyang fardu lima waktu sehari semalam. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Adh-Dharyat, ayat 56 :

Tafsirnya : "Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan hanya untuk menyembah Aku".

Ayat ini sangat besar rahsianya dan amat jauh pengertiannya. Kita sebagai hamba Allah Subhanahu Wata'ala diperintahkan untuk menyembahnya pada seluruh hidup kita. Walau sesibuk bagaimanapun kita,

sembahyang tetap wajib dipelihara dengan bersungguh-sungguh, bukan dengan sambil lewa.

Sembahyang merupakan kewajipan yang sangat besar kelebihanannya dan terdapat hikmah yang terkandung di dalamnya. Lumrah manusia tidak berusaha keras selagi mana kesannya tidak dapat dilihat dengan mata kasar. Jika dengan mengerjakan sembahyang mampu menambahkan pendapatan, sudah tentu ramai yang tidak meninggalkannya dengan sengaja. Antara hikmah di sebalik mendirikan sembahyang itu, antaranya :

Pertama : Mendisiplinkan diri.

Setiap ibadah yang dilakukan semuanya memiliki syarat sah, rukun dan perkara yang sunat untuk dilakukan. Begitu juga dengan ibadah sembahyang. Jika kita menjaga dan menekuni setiap syarat dan rukun yang telah ditetapkan, pastinya menjadi suatu latihan untuk membentuk disiplin diri. Begitu banyak perkara yang perlu dipastikan sebelum mendirikan sembahyang, antaranya ialah orang yang melakukan sembahyang mestilah menjaga kebersihan. Sebagaimana kita menghadap seseorang yang terhormat pastinya kita akan mengenakan pakaian yang bersih dan segar, begitu juga dengan ibadah sembahyang, kita mestilah dalam keadaan yang terbaik untuk bertemu dengan Allah Subhanahu Wata'ala.

Kedua : Menghapuskan dosa lama.

Sembahyang lima waktu yang diwajibkan sehari semalam ke atas kita adalah nikmat yang sangat besar. Ini kerana ibadah sembahyang dapat menghapuskan dosa-dosa yang telah kita lakukan. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Sembahyang lima waktu dan dari Jumaat ke Jumaat berikutnya dan dari Ramadan ke Ramadan berikutnya merupakan penghapus dosa-dosa yang dilakukan di antara keduanya apabila dosa-dosa besar dijaui". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga menyifatkan sembahyang fardu ini seperti mandi lima kali sehari. Begitulah juga rahmat dan pengampunan Allah Subhanahu Wata'ala yang amat luas dan tiada penghujungnya.

Ketiga : Meningkatkan rasa kehambaan dalam diri.

Sembahyang akan mengingatkan manusia kepada dirinya sebenar iaitu hamba kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Dengan mendirikan sembahyang, manusia akan sentiasa ingat akan kedudukannya itu. Apabila seseorang itu terlupa hakikat tersebut disebabkan kesibukan duniawi dan hubungannya dengan orang lain maka dengan datangnya waktu sembahyang akan memperbaharui ingatannya bahawa dia adalah hamba yang dimiliki oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Selain itu, jiwa manusia akan merasakan bahawa tidak ada yang memberi bantuan dan nikmat yang sebenarnya melainkan Allah Azza Wajalla. Sekalipun kita melihat di dunia ini pada zahirnya terdapat sebab-sebab yang membantu dan memberikan nikmat, tetapi pada hakikatnya ialah Allah Subhanahu Wata'ala yang telah mempermudah sebab-sebab tersebut kepada kita. Apabila manusia lalai lalu mendatangi sembahyang, sembahyang itu akan mengingatkan manusia bahawa yang menjadi penyebab kepada sesuatu ialah Allah yang Maha Esa, yang memberi bantuan dan nikmat, Tuhan yang memberi kesan mudarat dan manfaat serta yang menghidupkan dan mematikan.

Sesungguhnya tiada satu ibadah pun yang dapat menandingi keistimewaan dan keutamaan sembahyang. Allah Subhanahu Wata'ala memberikan satu anugerah teragung buat Junjungan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan umat Baginda seluruhnya. Anugerah yang merupakan cara terbaik untuk kita berkomunikasi dan mendekatkan diri dengan Allah Subhanahu Wata'ala dalam bentuk lima waktu sembahyang fardu secara konsisten sehari semalam. Sembahyang juga sebagai cara untuk bertaqarrub kepada Allah Subhanahu Wata'ala sehingga disebut oleh ulama bahawa sembahyang itu Mikraj bagi orang-orang yang beriman.

Tafsirnya : "Bacalah (Wahai Nabi Muhammad) apa yang diwahyukan kepadamu daripada Al-Quran dan dirikanlah sembahyang, sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar dan sesungguhnya mengingat Allah adalah lebih besar (manfaat dan kesannya) dan Allah Mengetahui apa yang kamu perbuat". (Surah Al-Ankabut, ayat 45)

Program 'Dibuang Sayang' bantu masyarakat memerlukan



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 Februari. - Dalam usahamembantu mereka yang memerlukan, Majlis Perundingan Kampung (MPK) dan Biro Wanita Kawasan 2, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Mentiri mengadakan

Program 'Dibuang Sayang' yang merupakan aktiviti kemasyarakatan kampung berkenaan.

Program infak sebagai 'Onestop' berkenaan bertujuan untuk memupuk budaya saling bantu membantu kepada masyarakat

kampung yang memerlukan dan orang ramai khususnya di kampung berkenaan.

Walaupun program berkenaan dilaksanakan secara sederhana, namun signifikannya sangat berkesan kepada penerima

MAJLIS Perundingan Kampung (MPK) dan Biro Wanita Kawasan 2, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Mentiri semasa mengadakan Program 'Dibuang Sayang'.

terutama apabila tiba bulan Ramadan Al-Mubarak dan perayaan Hari Raya Aidilfitri yang akan menjelang nanti.

"Senario inilah kami berasa terpenggil untuk mengadakan inisiatif program amal 'Dibuang Sayang'," jelas Pemangku Ketua Kampung RPN Kawasan 2 Kampung Mentiri, Awang Haji Nizam bin Haji Julaihi pada majlis menerima sumbangan pakaian pada Program 'Dibuang Sayang', di RPN Kawasan 2 Kampung Mentiri, hari ini.

Katanya, program berkenaan mendapat sambutan yang menggalakkan, khususnya dalam

Berita dan Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung dan Biro Wanita Kawasan 2, Rancangan Perumahan Negara Kampung Mentiri

kalangan penduduk kampung malah dari luar daerah yang memberi sokongan dan sama-sama bermurah hati menyumbangkan pakaian-pakaian terpakai sebagai infak amal jariah.

Awang Haji Nizam seterusnya menjelaskan pada ketika ini Ahli Jawatankuasa MPK bagi program berkenaan sedang rancak menerima sumbangan dan selepas terkumpul nanti, pengagihan akan disampaikan kepada mereka yang memerlukan dengan mengambilnya sendiri pada majlis penyerahan yang dijangka diadakan pada Mac nanti.

"Saya amat yakin, orang kitani kaya dengan hati budi yang luhur malah amalan bersedekah dan saling memberi bantuan memang menjadi budaya terpuji dipraktikkan di negara ini," ujar Awang Haji Nizam.

Program 'Dibuang Sayang' merupakan sumbangan pakaian infak daripada orang ramai yang dikumpulkan dan seterusnya akan diagihkan kepada mereka yang memerlukan.

Sehubungan dengan itu, orang ramai adalah dialu-alukan untuk datang mengambil sendiri pada majlis yang akan diumumkan nanti.



IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KFI AYAKAN SPRTA HIRAJAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB ROL FI HAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.

2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.

1. Lengkapkan Profil PSQR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
2. Lengkapkan Kelulusan (berdasarkan pengisian surat sahaja / buktikan kelulusan)
3. Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (PSQR 2.0, surat sahaja dan pengisian (PSP) Kelulusan Berprestasi & Kelulusan (PSP) yang berkaitan)
4. Tandatangan "i" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
5. Lengkapkan Maklumat (Jumlah / perolehan / Pura Rupa Perkhidmatan / Jumlah / bilangan / kelulusan profesional dan lain-lain yang diperlukan di dalam skim iklan)

+673 7371961 | PSC.BN | query@psa.gov.bn

Jawatan, Tangga Gaji dan Bilangan Iklan	Jabatan dan Kementerian	Kekosongan	Jenis Iklan	Tarikh Tutup Permohonan
1. PENOLONG PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA TINGKAT II C.2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2024/JAN/19	JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	01	7(A)	17 FEBRUARI 2024
2. PENGUASA KANAN BOMBA DAN PENYELAMAT P.10 / P.9 (BAHAGIAN III) 2024/JAN/27	JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI	01	7(A)	19 FEBRUARI 2024
3. PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT I B.3 (BAHAGIAN III) 2024/FEB/01	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN	04	38(A)	19 FEBRUARI 2024

- PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSQR 2.0, KLIK "TANSHEDAR SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAWATANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLANKAN DI BAHARI PERATUTAN TAN SAHAJA.
3. PANDUAN PSQR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN



KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
Negara Brunei Darussalam

Nama Tawaran :

Tender For Two (2) Years Daily Cleaning Of Bangunan Pasar Pelbagai Barangan Gadong And Surrounding Areas (1 September 2024 Until 31 August 2026)



Bilangan Tawaran :
JBBSB / LTK / 2023-2024 / 08 / UPA

Tarikh Tutup Tawaran :

Selasa,
27 Februari 2024,
Jam 2.00 Petang.



JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Notis Makluman
Jabatan Kemajuan Perumahan Mencari Waris Bagi Tanah Dan Rumah Yang Tidak Dituntut

Jabatan Kemajuan Perumahan sedang mencari ahli keluarga atau waris kepada pemilik tanah dan rumah seperti berikut:

Nama pemilik tanah dan rumah:
Allahyarham Awang Haji Wasli Bin Haji Ismail

Bilangan Kad Pengenalan:
00-039512 (K)

Nama Isteri pemilik tanah dan rumah:

Allahyarham Dayang Hajah Mastura Binti Haji Pungut

Bilangan Kad Pengenalan:
00-046842 (K)

Alamat rumah:
Lot 47522, No. 45, Simpang 342-35, STKRJ Kampong Tungku, Gadong BE 2519, Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan dengan itu, sukacita dipohonkan kepada ahli keluarga atau waris bagi Allahyarham Awang Haji Wasli Bin Haji Ismail dan Allahyarham Dayang Hajah Mastura Binti Haji Pungut supaya akan dapat hadir bagi perjumpaan dengan pihak Jabatan Kemajuan Perumahan di Tingkat 1, Unit Peruntukan, Bahagian Pengurusan Permohonan, Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Jika sekiranya tidak ada ahli keluarga atau waris bagi

Allahyarham Awang Haji Wasli Bin Haji Ismail dan Allahyarham Dayang Hajah Mastura Binti Haji Pungut yang tampil ke Jabatan Kemajuan Perumahan selepas tempoh notis yang diberikan ini tamat, maka Jabatan Kemajuan Perumahan berhak untuk menarik balik tanah dan rumah yang beralamat di Lot 47522, No. 45, Simpang 342-35, STKRJ Kampong Tungku, Gadong tersebut.

Bagi sebarang perhubungan lanjut, sila hubungi Jabatan Kemajuan Perumahan di talian +673 8383807 dan e-mel di alamat pengurusanpermohonan@hdd.gov.bn.

Dalam hal ini, sukacita memaklumkan bahawa notis ini akan berakhir pada 30 April 2024.

Sekian harap maklum.
Jabatan Kemajuan Perumahan
Kementerian Pembangunan
Negara Brunei Darussalam



MAHKAMAH RENDAH SYARIAH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Nur Monaliza binti Nyawa @
Monaliza binti Nyawa
- Plaintiff / Pemohon

Dan

Alihassan bin Haji Kaling
- Defendan / Responden

Perintah Acara Mal
Mahkamah-Mahkamah Syariah
2005

Saman Gantian
Dalam Mahkamah Rendah Syariah
Di Daerah Belait,
Negara Brunei Darussalam

Saman No. :
KB / MRS / MAL-B / S010A /
0147 / 11-2023

Antara

Kepada : Alihassan bin Haji Kaling
(Defendan yang dinamakan di atas)
alamat terakhir Tidak Diketahui.

Kamu adalah dengan ini disaman supaya hadir secara sendiri atau melalui Peguam Syarie kamu di hadapan Mahkamah Rendah Syariah Daerah Belait pada Rabu, 4 Sya'aban 1445H bersamaan 14 Februari 2024M pada jam 9.00 Pagi untuk menjawab tuntutan terhadap kamu oleh plaintiff yang dinamakan di atas, bagi Tuntutan Cerai Fasakh.

Sila ambil perhatian bahawa jika

kamu ingkar hadir di mahkamah pada hari dan masa yang ditetapkan, Mahkamah boleh meneruskan untuk mendengarkan dan memutuskan kes tanpa kehadiran kamu.

Dan sila ambil perhatian bahawa jika kamu ingin membela diri terhadap tuntutan tersebut, kamu hendaklah memfailkan di Mahkamah ini dan menyampaikan kepada Plaintiff suatu pembelaan dalam Borang yang ditetapkan sebelum tarikh yang disebut di atas atau hadir di Mahkamah pada tarikh itu.

Bertarikh :

5 Rejab 1445H /
17 Januari 2024M.

Meterai

Mahkamah Rendah Syariah
Daerah Belait
Negara Brunei Darussalam



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Pemberitahuan Tawaran

Rujukan dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2023 / TA /
VEH / 003

Pembelian Kenderaan Unit
Rejimen Pasukan Khas

Tarikh Mula Tawaran:
31 Januari 2024

Yuran Tawaran:
BND 30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran iaitu Isnin,
19 Februari 2024.

Tarikh Tutup Tawaran :



Selasa, 5 Mac 2024.
Jam 2.00 Petang.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Pemberitahuan Tawaran

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / INFRA / FY2023 /
T / GEN / 006(CS)
[JPPK/LTK/09/2023]
Mechanical & Electrical
Consultancy Services For
Proposed Royal Brunei Air Force
Training Group Building At Rimba
Air Base

Tarikh Mula Tawaran:
5 Februari 2024

Syarat Penyertaan :
A Qualified Person Authorised
by Practicing Certificate issued
by BAPEQS at Ministry of
Development

Tempoh Penyiapan Kerja :



Sehingga Penyiapan Defects
Liability Period (DLP) bagi Projek
Pembinaan

Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah
seminggu sebelum tarikh tutup
tawaran,
iaitu **Selasa, 20 Februari 2024**

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
27 Februari 2024
2.00 Petang



JABATAN PENGAJIAN ISLAM KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Iklan Tarikh Lanjutan

Tawaran Rancangan Pemakanan
Sekolah Arab Dan Asrama
Bahagian Penyajian Makanan
Dan Minuman Secara Berhidang
Dan Bertapau Bagi Tempuh Dua

(02) Tahun Jabatan Pengajian
Islam, Kementerian Hal Ehwal
Agama

Bilangan Tawaran :
KHEU / JPI / PMM / SA BELAIT /
08

Keterangan:
Sekolah Arab Belait, Daerah Belait

Bayaran Dokumen :
BND30.00
(Bayaran Dokumen tidak
dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil borang Tawaran :

Isnin,

9 Sya'aban 1445H / 19 Februari
2024M.

Tarikh Akhir Menghantar :

Selasa,

10 Sya'aban 1445H / 20 Februari
2024M,

tidak lewat
2.00 Petang.



Jabatan Radio Televisyen Brunei
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Notis Sebut Harga

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga :**

RTB / K / 213 / 23 - 24 :
Perkhidmatan Penggambaran
Dan Pos Produksi
(Penyuntingan) Bagi
Rancangan Dakwah, Bahagian
Rancangan TV,
Radio Televisyen Brunei

Bayaran Yuran :



BND5.00
(Tidak dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas / (Hardcopy) :
BND5.00
(Jika perlu dan tidak
dikembalikan)

Tarikh Tutup :

Rabu,
21 Februari 2024,
jam 2.00 Petang.



Pemberitahuan Tawaran

Rujukan Tawaran:

MINDEF / DFA / RC / 298(1)
Maintenance, Repair Services
And Supply Of Spare Parts
For Ford Brand Vehicle In
Service With The Ministry
Of Defence And Royal Brunei
Armed Forces – Five (5) Years
Contract

Tarikh Mula Tawaran :
31 Januari 2024

Yuran Tawaran :



BND 50.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran iaitu Isnin,
4 Mac 2024.**

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
19 Mac 2024.
12.00 Tengah Hari.



Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi
Negara Brunei Darussalam

Tajuk dan Bilangan Tawaran:

1. Project Enhancing Flight
Information Display System:
Upgrading Uninterruptible Power
Supply And Advanced Maxcs
Workstations For Strengthening
Reliability And Operational
Efficiency For Department Of
Civil Aviation At Brunei
International Airport
**TERMINAL / 2023-2024 /
SH-06(R)**

2. Improving Flight Information
Display System (FIDS) Reliability:
Health Check Project With Conrac
GmbH's Expertise For Department

Civil Aviation Brunei
International Airport
**TERMINAL / 2023-2024 /
SH-07(R)**

**Tarikh iklan / mengambil
dokumen Sebut Harga :**
Rabu,
31 Januari 2024.

**Tarikh terakhir mengambil
dokumen Sebut Harga :**
Selasa,
30 Januari 2024.

Tarikh tutup Sebut Harga:
Rabu,
14 Februari 2024.
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)



Pemberitahuan Tawaran

Tajuk Tawaran :

Landscape Maintenance At
Ministry Of Finance And
Economy Building For A



**Tawaran Penyewaan Ruang ATM
Di Pejabat Pos Bagi Menjalankan
Perkhidmatan Mesin ATM
Di Negara Brunei Darussalam**

- Pejabat Pos MPC - ATM
(Lampiran 1)
- Pejabat Pos Rimba - ATM
(Lampiran 2)
- Pejabat Pos Sengkurong
– ATM (Lampiran 3)
- Pejabat Pos Bunut – ATM
(Lampiran 4)
- Pejabat Pos Lumut – ATM
(Lampiran 5)

Rujukan Tawaran:

POS / T / 20 / JPP / 2023-2024

Bayaran Yuran Tawaran :

BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :

Selasa,
13 Februari 2024,
Jam 2.00 Petang.



**1. Bilangan Dan Tajuk Sebut
Harga :**

KHEU / JPI / JKS / PPPB /
11A-4 / 2023-2024
Perkhidmatan Pengurusan
Dan Pembersihan Bangunan
(Housekeeping) Tempoh 2 Tahun
Bagi Sekolah Agama Pengiran
Anak Puteri Muta-Wakkilah

Period Of 36 Months,
Commonwealth Drive,
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:

MOFE / UPAH / T / 2024-1

Yuran Tawaran / Dokumen :

BND30.00 bagi yuran tawaran
BND5.00 bagi yuran e-dokumen
(Jika pihak penender
memerlukan)

Tarikh Tutup Tawaran:

Selasa,
20 Februari 2024.



Tidak lewat dari jam
2.00 Petang.



Bilangan Dan Tajuk Tawaran :
AUD / PKTM / Q&T / 2023-2024 / 21
Menaiktaraf Peralatan Visual Bagi
Bilik Mesyuarat Seri Damai

Perkara

- Membuka dan
mengeluarkan sistem
peralatan Visual Analog
yang ada dalam Bilik
Mesyuarat Seri Damai di
Blok C Tingkat 1
- Menukar sambungan dari
jenis VGA ke jenis HDMI
- Membekal dan memasang
4 unit screen jenis LCD
65"
- Membekal dan memasang
1 unit screen jenis LCD
55"
- Kerja-kerja memasang
dan percubaan peralatan
visual bagi memastikan
berfungsi dengan
sempurna

Tarikh Tutup Tawaran :

Selasa,
27 Februari 2024,
Jam 2.00 Petang.



**Jabatan Pembangunan
Masyarakat
Kementerian Kebudayaan,
Belia Dan Sukan**

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
JAPEM / TEND / 2024 / KRK /
02 [HARIAN RESIDEN]
Pembekalan Barang Keperluan
Harian Bagi Residen Kompleks
Rumah Kebajikan (KRK) Bagi
Tempoh 24 Bulan

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
JAPEM / TEND / 2024 / KRK / 02
[ANAK DAMIT]
Pembekalan Barang
Keperluan Penjagaan Anak
Damit Bagi Kompleks Rumah
Kebajikan
(KRK) Bagi Tempoh 18 Bulan

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
JAPEM / TEND / 2024 / KRK / 03
[KEBERSIHAN]
Pembekalan Barang Keperluan
Kebersihan Dan Dapur Kompleks
Rumah Kebajikan (KRK) Bagi
Tempoh 18 Bulan

Tarikh Tutup Tawaran :
Khamis,
15 Februari 2024,
Jam 2.00 Petang.



Hayatul Bolkiah, Serusop.

**2. Bilangan Dan Tajuk Sebut
Harga :**

KHEU / JPI / JKS / PPPB / 1V-1 /
2023-2024
Perkhidmatan Pengurusan
Dan Pembersihan Bangunan
(Housekeeping) Tempoh 2 Tahun
Bagi Sekolah Agama Pengiran
Anak Puteri Amal Umi Kalthum
Al-Islam, Mulaut Di Bawah
Kawalan Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam Tahun
1444H-1445H / 2023-2024M

Tarikh Tutup Sebut Harga :



Rabu,
26 Rejab 1445H /
7 Februari 2024M,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

BDCB ANJUR SESI TINJAUAN EKONOMI DAN PELABURAN 2024



SEKITAR Sesi Tinjauan Ekonomi dan Pelaburan (Economic and Investment Outlook) 2024 yang berlangsung di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 Februari. - Lebih 260 peserta daripada pelbagai organisasi, termasuk bahagian-bahagian di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta agensi-agensi lain, institusi-institusi kewangan dan institusi-institusi pengajian tinggi tempatan hadir Sesi Tinjauan Ekonomi dan Pelaburan (Economic and Investment Outlook) 2024 yang berlangsung di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, baru-baru ini.

Sesi anjuran Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) ini bertemakan 'Kehidupan Dalam Dunia Yang Rapuh, Cemas, Tidak Linear, dan Sukar Difahami (BANI)' membawa pembentang-pembentang daripada sektor kerajaan, swasta dan akademik untuk mengongsikan dan bertukar-tukar pandangan mengenai trend serta perkembangan ekonomi dan

pasaran serta meneliti tinjauan bagi tahun 2024 dan juga tahun-tahun terdekat.

Sesi tersebut dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Penolong Pengarah Urusan, Operasi Monetari BDCB, Awang Mardini bin Haji Eddie di mana beliau menekankan bagaimana persekitaran yang cepat berubah, yang sebelum ini digambarkan sebagai VUCA (Volatiliti, ketidakpastian, Kompleksiti dan Ambiguiti) kini telah berkembang kepada akronim baharu iaitu BANI (Rapuh, Cemas, Tidak Linear dan Sukar Difahami).

Ini diakibatkan oleh pelbagai krisis yang telah berlaku beberapa tahun kebelakangan seperti perubahan iklim, pandemik COVID-19, ketidakstabilan kewangan dan ketegangan geopolitik.

Beberapa contoh perkembangan ekonomi dan kewangan di pasaran

yang telah berlaku pada tahun 2023 yang dicirikan sebagai BANI juga telah dikongsikan termasuk kemungkinan kemelesatan ekonomi, kegagalan beberapa bank dan tanda-tanda keresahan pasaran. Walau bagaimanapun, bank-bank pusat dan pihak pengawal selia telah mengambil tindakan pantas untuk meredakan gangguan-gangguan bagi mengembalikan keyakinan.

Acara seterusnya diikuti dengan pembentangan oleh Pakar Perbankan BDCB, Richard Ellis yang menggariskan kepentingan ketelusan serta penggubalan dan pelaksanaan peraturan dan garis panduan yang lebih jelas untuk meningkatkan kedayatahan Sektor Kewangan.

Beliau juga menekankan pasaran adalah terdedah kepada ketidakstabilan serta pengaruh media sosial yang dapat

■ Siaran Akhbar dan Foto : Brunei Darussalam Central Bank

mengurangkan keberkesanan dan kebolehamalan pasaran. Berikutan ini, pengawal selia dan penyelia kewangan memainkan peranan yang sangat penting dalam mengekalkan kestabilan dan kecekapan pasaran kewangan.

Kemudian acara sesi panel yang terdiri daripada Pemangku Penolong Pengarah, Jabatan Perancangan di Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Dayang Noor Bazilah binti Madanie; Ketua Pegawai Pelaburan, Standard Chartered Bank, Raymond Cheng; Pensyarah Sekolah Perdagangan dan Ekonomi, Universiti Brunei Darussalam, Profesor Ahmed Masood Khalid dan Associate, Agensi Pelaburan Brunei, Awang Muhammad Bazli bin Haji Ghani. Moderator bagi sesi panel ialah Associate, Perkembangan Kewangan, BDCB, Abigail Leong Tze Fong.

Panel tersebut membincangkan cabaran ekonomi global kritikal, khususnya penurunan pertumbuhan ekonomi secara meluas dan kesannya terhadap Negara Brunei Darussalam. Perbincangan ini juga menyentuh mengenai kebimbangan makroekonomi dan mengkaji 'megatrend' dalam pelaburan.

Seterusnya, panel memberi pandangan bagaimana untuk menelusuri kerumitan dalam sektor kewangan yang sentiasa berubah, terutamanya dalam bidang kecerdasan buatan atau Artificial

Intelligence (AI), perubahan iklim dan ketegangan geopolitik. Ahli panel juga memberikan gambaran menyeluruh mengenai trend yang membentuk strategi pelaburan semasa, sambil menekankan kepentingan penyesuaian sewajarnya berikutan gangguan BANI.

Panel juga menekankan kepentingan kepelbagaian yang strategik untuk mendorong pertumbuhan ekonomi NBD. Cabaran-cabaran tertentu kepada ekonomi domestik juga dikongsikan seperti kebergantungan yang tinggi kepada sektor minyak dan gas, kekangan berkaitan pasaran tempatan yang kecil, kebergantungan kepada import dan risiko berikutan ketegangan geopolitik.

Beberapa cadangan juga diberikan untuk memperkukuhkan kedayatahan bagi pertumbuhan ekonomi yang mampan, sambil menekankan kepentingan keupayaan untuk mengatasi pelbagai cabaran. Ahli panel kemudian mengetengahkan keperluan untuk memastikan inisiatif-inisiatif yang dirancang dapat dicapai dengan penglibatan dan kerjasama daripada pihak-pihak berkepentingan.

Tinjauan Ekonomi dan Pelaburan (Economic and Investment Outlook) ini adalah untuk merangsang dialog dan bertukar-tukar pandangan mengenai topik seperti pertumbuhan dan pembangunan ekonomi serta pasaran kewangan.

Semak maklumat terlebih dahulu sebelum sebar



BUDAYA tular mungkin tampak sebagai cara yang efisien untuk menyampaikan maklumat, tetapi kekurangan penyemakan kesahihannya boleh mengakibatkan impak negatif yang besar.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 8 Februari. - Dalam era digital yang semakin pesat, perkembangan teknologi memberikan akses kepada setiap individu untuk berkongsi apa sahaja maklumat dengan cepat melalui pelbagai platform media sosial.

Walaupun keupayaan berkenaan membuka peluang untuk semua individu berkomunikasi dengan lebih mudah, ia juga membuka pintu kepada cabaran baharu,

■ Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

terutamanya berkaitan dengan penyebaran maklumat yang tidak sahih atau palsu.

Fenomena berkenaan dikenali sebagai budaya tular (*viral*), dengan maklumat disebarkan dengan cepat tanpa menjalani proses semakan kesahihan yang sewajarnya.

Budaya tular mungkin tampak sebagai cara yang efisien untuk menyampaikan maklumat, tetapi kekurangan penyemakan kesahihannya boleh mengakibatkan impak negatif yang besar.

Salah satu risiko utama adalah penyebaran maklumat tidak sahih atau tidak tepat, yang boleh memberi kesan kepada persepsi masyarakat terhadap sesuatu isu atau individu.

Ini dapat merosakkan reputasi, mencetuskan kekeliruan, dan mencipta ketidakstabilan dalam masyarakat.

Sebelum menyebarkan maklumat, individu perlu mengambil inisiatif untuk menyemak sumber dan memastikan kebolehpercayaan maklumat berkenaan.

Langkah mudah seperti memeriksa sumber, mencari kepastian daripada beberapa

sumber berbeza, dan memahami konteks keseluruhan adalah antara cara yang boleh membantu mengelakkan penyebaran maklumat tidak sahih.

Keadaan berkenaan juga menekankan keperluan untuk meningkatkan literasi digital dalam kalangan masyarakat. Dengan meningkatkan kesedaran tentang risiko penyebaran maklumat tidak sahih, individu akan lebih cenderung untuk menjalankan penyemakan kesahihan sebelum menyebarkan maklumat.

Pendidikan dan kempen kesedaran boleh dimanfaatkan untuk memberi penekanan kepada kemahiran kritikal yang diperlukan dalam menghadapi cabaran budaya tular.

Sebagai masyarakat yang semakin terhubung secara digital, tanggungjawab setiap individu dan pihak berkuasa adalah penting dalam memastikan integriti maklumat.

Pentingnya etika dalam berkongsi maklumat juga perlu ditekankan. Individu perlu sedar bahawa setiap tindakan mereka dalam menyebarkan maklumat mempunyai kesan yang besar terhadap masyarakat secara keseluruhannya.

Memikirkan kesan sebelum menyebarkan maklumat

adalah langkah penting dalam membentuk budaya penyampaian maklumat yang bertanggungjawab.

Oleh itu, elakkan budaya tular atau penyebaran maklumat tanpa menyemak kesahihannya dan amat penting untuk memastikan kebenaran dan integriti maklumat dalam masyarakat.

Ini memerlukan kerjasama semua pihak, termasuk individu dan pihak berkuasa, untuk memastikan bahawa tanggungjawab dan kesedaran terhadap risiko penyebaran maklumat tidak sahih menjadi sebahagian daripada kehidupan digital kita.

Dengan itu, kita dapat membentuk sebuah masyarakat yang lebih cergas, kritis, dan bertanggungjawab dalam menghadapi cabaran budaya tular di dunia digital ini.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk memastikan kesahihan berita atau maklumat yang ingin disebarkan.

Menyebarkan maklumat tidak sahih atau palsu merupakan kesalahan jenayah yang boleh membawa kepada denda sehingga BND3,000 atau tiga bulan penjara atau keduanya di bawah Bab 34, Akta Ketenteraman Awam (Public Order Act), Penggal 148.

PUISI

IMAN DAN TAKWA

Iman dan takwa,
Suatu yang tiada perpisahan,
Sentiasa bersatu dalam penentuan,
Iman sentiasa ada perasaan,
Menjadikan hidup lebih aman.

Iman dan takwa,
Membuat hidup lebih terasa,
Tidak hanya meronta seketika,
Namun kalau bertakwa sentiasa dijaga,
Iman tidak akan luntur saja-saja.

Kerana,
Kedua-duanya sering berkata-kata,
Sering segalanya dapat merasa,
Dan dapat membezakan keadaan dan suasana,
Supaya segalanya dapat percaya.

Islam ugama yang suci,
Ugama yang hidup punya penentuan,
Satu perangsang yang dapat difikirkan,
Sanggup memikul segala beban,
Tiada merosakkan suatu keadaan.

Dari itu,
Ikut hati mati,
Ikut perasaan tiada penentuan,
Kerana iman dan takwa dapat merasakan,
Tiada satu apapun segala kerosakan.

Tapi,
Kalau mengikut perasaan,
Merosakkan iman yang diharapkan,
Sedangkan iman dapat menentukan,
Baik dan segala keburukan.

Adi Asma

MATI

Untuk aku
Hidup adalah jalan
Lurus atau bengkok
Pendek atau panjang
Mati adalah kesudahan
Untuk aku
Hidup biar berteman
Kerana mati itu bersendirian
Untuk aku
Tiada sakit memberikan
Melainkan tiada penghargaan
Untuk aku
Selagi ada waktu
Aku berikan terbaik untukmu
Untuk aku
Tidak mahu ada penyesalan
Aku jaga sebuah ikatan
Namanya persahabatan
Untuk aku
Tidak penting darjat nama
Apa lagi paras rupa
Ukuran hidup adalah hati
Di dalamnya penuh cinta
Kerana yang hidup akan mati
Yang tinggal kenangan berjuta
Untuk aku
Berbuat baik walaupun terluka
Tiada rugi berbaik sangka
Kerana saat mati pisahkan kita
Tiada lagi teman bicara
Untuk aku
Tiada perlu menghulur maaf
Salah silap adat berteman
Yang hidup bersifat khilaf
Yang mati kita ampunkan
Untuk aku
Jangan diucap selamat jalan
Kerana yang baik tiada kesudahan
Walaupun mati memisahkan

Raden Galuh Daha

DIDIK ANAK-ANAK SEMBAHYANG BERMULA DARI KECIL

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



MENDIDIK anak-anak dalam melakukan ibadat sembahyang adalah wajib, iaitu ketika mereka mencapai umur 7 tahun.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 8 Februari. - Kedua-dua ibu bapa bertanggungjawab mengajar dan mendidik anak mereka mengerjakan sembahyang sepertimana yang telah diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Mendidik anak-anak dalam melakukan ibadat sembahyang adalah wajib, iaitu ketika mereka mencapai umur 7 tahun dan dibolehkan memukul dengan pukulan yang tidak mencederakan mereka jika enggan mengerjakan sembahyang apabila mencapai umur 10 tahun.

Sekiranya anak-anak sudah berusia 10 tahun tetapi mereka masih malas untuk mengerjakan sembahyang, ibu bapa mempunyai

hak untuk memukul anak-anak itu tetapi dengan had-had tertentu yang bertujuan memberi pendidikan kerana, ini antara salah satu peranan dan tanggungjawab ibu bapa untuk membentuk jati diri Muslim dalam diri anak-anak.

Didikan awal sebegini amat penting kerana ia akan membiasakan anak-anak melakukan sembahyang sama ada secara bersendirian atau berjemaah.

Bahkan, boleh menjadi imam terutama anak lelaki kerana mereka ini bakal menjadi ketua keluarga pada kemudian hari kerana melakukan sembahyang berjemaah lebih besar fadilat atau ganjarannya daripada

mengerjakan sembahyang secara berseorangan.

Beberapa perkara boleh diterapkan oleh ibu bapa kepada anak-anak mereka dalam mendirikan sembahyang lima waktu antaranya, dengan mewujudkan suasana dalam keluarga yang mengutamakan sembahyang, iaitu segera bersedia untuk bersembahyang dan menghentikan perkara-perkara yang melalaikan.

Selain itu, ibu bapa perlu menjadi contoh terbaik kepada anak-anak kerana mereka mudah meniru apabila selalu melihat ibu bapa mereka mengerjakan sembahyang. Sekiranya mereka jarang melihat ibu bapa sembahyang, maka mereka juga tidak dapat membayangkan sesuatu yang tidak tercapai oleh akal mereka.

Ibu bapa juga perlu menerapkan amalan berkenaan sedari umur mereka masih kecil. Ibu bapa juga perlu mempunyai ruang terbuka untuk mengerjakan sembahyang, di samping mengajak mereka untuk sembahyang berjemaah bersama-sama.

Tidak dinafikan, sesetengah ibu bapa akan menghadapi cabaran dalam hal mendidik anak-anak untuk mencintai sembahyang. Namun dengan menanam sikap sabar, ketabahan dan istiqamah mereka setentunya akan dapat mengatasi cabaran-cabaran berkenaan.

Berikan masa bagi anak-anak berasa seronok untuk sembahyang tanpa dipaksa-paksa kerana setiap anak-anak berbeza penerimaan mereka.



جابتن قرائنغن ايكونومي دان ستاتيسيتك
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN HALIHWAL PENGGUNA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

“buleh percaya kan tu?”

“mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?”

“ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?”

“iawah? banar kan tawarannya ani?”

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- ✓ Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- ✓ Dapatkan resit rasmi.
- ✓ Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- ✓ Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

OPERASI BERSEPADU KABAT BANTERAS KEGIATAN MELANGGAR UNDANG-UNDANG

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan



JABATAN Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan melalui Bahagian Penguatkuasa Undang-undang dengan agensi-agensi penguat kuasa undang-undang semasa melaksanakan Operasi Bersepadu Kabat 19/2024, baru-baru ini (atas, atas kanan dan bawah kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 Februari. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) melalui Bahagian Penguatkuasa Undang-undang dengan agensi-agensi penguat kuasa undang-undang daripada Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) iaitu pegawai-pegawai dari Daerah Polis Brunei Muara, Balai Polis Sengkong, Unit Interpol, Unit Siasatan Perdagangan Manusia, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN), Biro Kawalan Narkotik (BKN), Jabatan Kastam dan

Eksais Diraja (JKED), Jabatan Pengangkutan Darat (JPD), Bahagian Penguatkuasaan Ugama (BPU) dan Jabatan Buruh telah melaksanakan Operasi Bersepadu Kabat 19/2024, baru-baru ini.

Operasi tersebut menyasarkan beberapa buah bangunan komersial di Mukim Sengkong yang mana melibatkan pemeriksaan secara keseluruhan ke atas 478 orang warganegara asing.

Hasil daripada pemeriksaan berkenaan seramai 120 individu telah pun ditahan dan dibawa ke



Bahagian Penguatkuasa Undang-undang, JIPK bagi siasatan lanjut atas kegagalan mengemukakan sebarang dokumen.


Sementara itu, beberapa individu juga dipercayai menyalahi kesalahan-kesalahan di bawah bidang tugas agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang lainnya iaitu dua individu dipercayai menyalahi kesalahan di bawah JKED, lima individu di bawah Jabatan Buruh, lima individu di bawah PPDB dan lima individu lagi di bawah JPD.

Operasi Bersepadu ini adalah salah satu usaha berterusan agensi-agensi penguat kuasa undang-undang di Negara Brunei Darussalam dalam misi membanteras dan membendung kegiatan-kegiatan yang melanggar

undang-undang dan peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan di negara ini.

Oleh itu, JIPK mengalu-alukan orang ramai untuk terus memberikan sebarang maklumat

berhubung pesalah-pesalah imigresen dengan menghubungi terus ke Talian Hotline JIPK melalui talian +673 8734888 +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).



Keselamatan jalan raya tanggungjawab bersama



DALAM keadaan cuaca yang tidak menentu, orang ramai juga dinasihat untuk lebih berhati-hati. Pemandu perlu mengambil langkah berjaga-jaga, mengelak kawasan banjir dan mematuhi arahan pihak berkuasa.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 Februari. - Keselamatan jalan raya adalah tanggungjawab bersama yang memerlukan perhatian serius dari semua pihak. Dalam usaha untuk mengurangkan

kadar kemalangan jalan raya dan melindungi nyawa, setiap individu, pemandu, dan pihak berkepentingan perlu bersatu demi mencapai objektif berkenaan.

Pertama, pemandu memainkan

peranan utama dalam keselamatan jalan raya. Mereka perlu mematuhi semua peraturan lalu lintas, termasuk had laju, isyarat lalu lintas, dan undang-undang yang berkaitan.

Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

Ketidakpatuhan terhadap peraturan ini tidak hanya membahayakan diri mereka sendiri tetapi juga nyawa orang lain. Kesedaran akan keadaan jalan raya dan keupayaan untuk membaca situasi dengan cermat adalah ciri penting bagi setiap pemandu bertanggungjawab.

Selain itu, penjagaan kenderaan juga penting untuk memastikan keselamatan jalan raya. Pemeliharaan berkala seperti memeriksa brek, lampu, tayar, dan sistem lain adalah langkah yang perlu diambil oleh setiap pemilik kenderaan. Ini membantu mengurangkan kemungkinan kerosakan yang boleh menyebabkan kemalangan.

Tanggungjawab untuk menjaga kenderaan bukan hanya untuk keselesaan peribadi tetapi juga untuk keselamatan bersama di atas jalan raya.

Dalam keadaan cuaca yang tidak menentu, orang ramai juga dinasihat untuk lebih berhati-hati. Pemandu perlu mengambil langkah berjaga-jaga, mengelak kawasan banjir dan mematuhi arahan pihak berkuasa. Kesedaran dan keprihatinan bersama akan

memastikan pergerakan yang lebih selamat semasa banjir, melindungi nyawa dan harta benda.

Seterusnya, pihak berkuasa yang berkaitan juga perlu menjalankan peranan dalam meningkatkan keselamatan jalan raya. Pembinaan infrastruktur yang baik, termasuk tiang-tiang lampu di jalan raya yang mencukupi, penempatan isyarat lalu lintas yang betul, dan peningkatan jalan raya adalah langkah-langkah yang diperlukan.

Penguatkuasaan undang-undang dan peraturan juga perlu ditingkatkan untuk memastikan kepatuhan pemandu dan keselamatan pengguna jalan.

Kesimpulannya, keselamatan jalan raya adalah tanggungjawab bersama. Setiap individu, pemandu, dan pihak berkepentingan perlu berganding bahu untuk mencapai objektif keselamatan yang lebih baik. Kesedaran, pematuan undang-undang, pemeliharaan kenderaan, pendidikan, dan tindakan bersepadu dari pihak berkuasa adalah kunci untuk mencapai keadaan jalan raya yang lebih selamat bagi semua.

AMALKAN PEMAKANAN SEIMBANG, KURANGKAN RISIKO PENYAKIT

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 Februari. - Amalan pemakanan tidak seimbang boleh menjadi antara faktor yang membawa kepada masalah penghadaman seterusnya seseorang itu boleh mengalami penyakit termasuk sembelit, kembung atau cirit-birit.

Pemakanan sihat adalah aspek penting yang perlu diambil peduli oleh semua orang yang mana hal ini disebabkan, makan tanpa kawalan berpotensi menyumbang kepada masalah kesihatan. Selain itu, amalkan gaya hidup sihat dengan pengambilan

makanan seimbang, bersenam, minum lapan gelas air sehari dan dapatkan tidur yang berkualiti.

Satu lagi adalah tabiat mengunyah makanan. Kunyah dengan sempurna sebelum menelan dan jangan makan terlalu cepat kerana boleh menyebabkan ketidakcergasan.

Pengambilan makanan tinggi serat termasuk buah, sayur, bijirin penuh dan kekacang juga membantu mengurangkan risiko buasir, penyakit divertikulum dan kanser usus.

Kesedaran awal juga perlu bermula dari rumah dan sekolah serta pengawasan sendiri secara berkala juga perlu diamalkan oleh setiap individu.

Kita perlu tahu masalah diabetes akan berlaku apabila paras gula dalam darah menjadi tinggi. Ia akan menyebabkan badan gagal menghasilkan insulin yang



mencukupi atau tidak dapat memprosesnya dengan betul.

Secara mudah, sempurnakan diet dengan mengambil sumber probiotik yang digelar bakteria 'baik'.

Ia boleh membantu proses penghadaman, meningkatkan metabolisme badan dengan mengekstrak lebih banyak tenaga daripada nutrien

makanan, menghasilkan vitamin B, menyingkirkan toksin, dan membantu mengekalkan kesihatan sistem penghadaman kita.

Pengambilan probiotik sebagai makanan tambahan juga membantu dalam menjaga kesihatan sistem penghadaman kerana ia memberi faedah kesihatan yang positif apabila diambil dalam jumlah mencukupi.



AMALKAN gaya hidup sihat dengan pengambilan makanan seimbang (kiri dan atas kanan).

Penggunaan *audio guestbook* semasa Majlis Perkahwinan mendapat perhatian ramai

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Ihsan @memorings.bn



BARU-baru ini konsep rakaman suara atau lebih dikenali dengan panggilan buku tetamu audio (*audio guestbook*) semakin banyak digunakan pada majlis keramaian seperti Majlis Perkahwinan. Buku tetamu audio ini adalah versi moden untuk para tetamu yang hadir memberi ucapan kepada pasangan pengantin melalui telefon yang disediakan. Sebelum ini, ucapan ditulis di dalam buku tetamu. Namun sekarang, buku tetamu audio ini menawarkan pengalaman yang lebih mudah, ringkas dan interaktif. Mesej yang dirakam dalam buku tetamu audio disimpan dengan selamat dan boleh diakses dengan mudah serta membolehkan kita menghidupkan semula detik berharga ini pada bila-bila masa yang kita mahu.

Jika dibandingkan dengan buku tetamu tradisional, kelebihan menggunakan buku tetamu audio ini ialah setiap tetamu yang hadir bebas memberi ucapan dan doa untuk

pasangan pengantin. Suara ucapan dan doa daripada orang terdekat juga akan tersimpan dengan baik dan boleh menjadi memori indah setelah acara perkahwinan selesai. Selain itu, rakaman suara tersebut juga boleh didengar pada bila-bila masa bahkan hingga tua nanti.

Cara menggunakannya juga mudah. Bila tetamu ingin memberi ucapan, mereka perlu mengangkat telefon dan mula memberi ucapan selepas bunyi *bip*. Ucapan yang diberikan akan direkod. Setelah itu, telefon diletak semula dan secara automatik rakaman itu akan berhenti. Sesiapa sahaja boleh memberikan ucapan sehingga majlis selesai. Selepas habis majlis, telefon yang disediakan hendaklah dikembalikan semula kepada syarikat yang mengendalikannya dan mereka akan memberikan semua audio yang telah direkod dalam bentuk *pendrive*.

Trend buku tetamu audio ini juga semakin banyak digunakan oleh masyarakat di Negara Brunei Darussalam. Lazimnya,

mereka yang mengadakan Majlis Perkahwinan di dewan akan menyimpan telefon buku tetamu audio ini di pintu masuk majlis.

Melalui temu bual bersama Awang Mohammad Sueib bin Suhaimi dan Awang Mohammad Hazim bin Awang Mokti, peniaga yang menawarkan khidmat buku tetamu audio melalui akaun Instagram @memorings.bn ini telah terinspirasi untuk membuatnya dari negara luar seperti Amerika Syarikat, Kanada dan negara-negara Eropah. Negara jiran seperti Malaysia dan Indonesia juga tidak ketinggalan menggunakan konsep buku tetamu audio ini pada Majlis-majlis Perkahwinan. Perkhidmatan ini ditawarkan dengan kadar harga BND90 hingga BND148 mengikut terma dan syarat yang berpatutan. Sejak perniagaan ini mula beroperasi pada November 2023, ia telah menerima banyak sambutan yang positif dan tempahan awal daripada pelanggan walaupun tarikh acara

mereka berlangsung agak lama lagi.

Menurut mereka, pelanggan tertarik dengan buku tetamu audio ini kerana konsepnya yang unik dan interaktif. Keterlibatan tetamu yang hadir dalam memberi ucapan melalui telefon buku tetamu audio ini dapat mengekspresikan perasaan dan mesej yang lebih autentik. Dengan adanya buku tetamu audio ini, kita boleh mendengar nada suara bahagia, ketawa dan keterujaan daripada tetamu yang menjadikan mesej ini lebih istimewa. Apabila tetamu meninggalkan mesej audio, suara mereka menyampaikan emosi dengan tulus yang susah diungkapkan dengan menulis. Kerana keupayaannya untuk menangkap perasaan, cerita dan kenangan sebenar mereka yang menghadiri acara itu menjadi salah satu sebab utama buku tetamu audio telah meraih perhatian orang ramai.

Ini adalah kaedah baharu yang kita boleh gunakan untuk memeriahkan lagi majlis-majlis yang akan diadakan. Rakaman suara ini juga akan menjadi kenangan yang boleh kita simpan dan kenang sampai bila-bila.





Rencana dan Foto : Ak. Jeffery Pg. Durahman

TAHUN Baharu Cina jatuh pada tarikh yang berbeza setiap tahun kerana ia mengikut kalendar Lunar. Pada tahun 2024, ia merupakan Tahun Naga dalam budaya Cina, naga adalah makhluk mitologi dan merupakan salah satu daripada 12 haiwan yang mewakili zodiak Cina melambangkan kekuatan, kehormatan, nasib, dan kejayaan. Itulah sebabnya Tahun Naga biasanya dianggap membawa peluang dan perubahan, terutamanya dari segi kerja dan perniagaan.

Dalam temu bual bersama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Xiao Jianguo berpendapat tidak kira apa jua lambang zodiak tahun ini, permulaan tahun lunar atau Festival Musim Bunga, adalah cuti rasmi yang paling penting di China. Di China, adat resam berbeza-beza tetapi ia tetap diraikan dengan makan malam perjumpaan keluarga, membersihkan rumah, menampal Spring Couplets, menyalakan mercun, melawat saudara-mara dan rakan-rakan serta memberikan Paket Merah (Angpau) kepada belia.

"Bagi kedutaan kami di Brunei Darussalam, dua majlis akan dianjurkan untuk meraikan Festival Musim Bunga. Salah satunya Pendedaran Kit Festival Musim Bunga kepada kaum Cina di Brunei, yang telah pun diadakan pada 9 Februari, iaitu Malam Tahun Baru Cina sementara Hari Rumah Terbuka & Festival Musim Bunga China anjuran bersama Persatuan Persahabatan Brunei-China dan Persatuan Perusahaan Cina di Brunei, akan diadakan pada 11 Februari di Sekolah Menengah Chung Hwa, BSB dibuka kepada orang ramai dari jam 12.00 tengah hari hingga petang dan kami mengalu-alukan semua rakan di Brunei untuk hadir bersama-sama meraikannya.

Dengan penganjuran kedua-dua majlis ini, kami amat berharap dapat menyampaikan ucapan selamat Tahun Baharu Cina kepada setiap masyarakat Cina dan juga rakan-rakan di Brunei dari pelbagai lapisan masyarakat," ujar Tuan Yang Terutama Xiao Jianguo.

Tambah TYT November tahun lepas, Presiden Republik Rakyat China, TYT Xi Jinping dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah membuat pertemuan di San Francisco, dan mencapai kata sepakat untuk mempromosikan hubungan China-Brunei dan memperdalam pertukaran rakyat dengan rakyat. Bulan ini, Brunei akan menyambut Ulang Tahun Ke-40 Kemerdekaannya. China dan Brunei adalah jiran terdekat di seberang laut, diharapkan Tahun Naga ini akan membawa Negara Brunei Darussalam dan rakyatnya kepada pembangunan yang lebih besar serta menyaksikan hubungan China-Brunei yang lebih kukuh dalam semua bidang kerjasama.

Yang Dimuliakan Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Goh King Chin pula menjelaskan Tahun Baharu Cina 2024 iaitu Tahun Naga, merupakan tahun yang sangat bagus di mana tahun ini ia seperti biasa disambut bersama keluarga dan rakan-rakan dan masa untuk bersatu semula dan berkumpul untuk meraikan bersama.

Tambah Yang Dimuliakan Pehin lagi, walaupun Tahun Naga dianggap istimewa namun bagi dirinya ia sama seperti tahun-tahun lain di mana untuk mencapai satu-

satu kejayaan itu kita seharusnya bekerja keras demi mencapai kejayaan dan menuai keberhasilan dan bukannya bergantung kepada nasib atau satu-satu tahun tersebut.

"Selaku rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam ini saya amat bersyukur kerana kita sentiasa di dalam kesejahteraan dan hidup harmoni berkat pemerintahan raja kita Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang tidak pernah membeza-bezakan rakyat baginda walaupun berbeza agama dan bangsa namun perayaan tetap disambut bersama ke arah keharmonian dan kesejahteraan rakyat baginda," ujar Yang Dimuliakan Pehin.

Apa yang penting, jelas Yang Dimuliakan Pehin, kita sebagai rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Negara Brunei Darussalam ini hendaklah sentiasa bersatu padu, hidup harmoni dan bantu-membantu serta hormat-menghormati sesama bangsa demi mencapai keharmonian dan kesejahteraan hidup bersama.

Sementara itu, Tuan Lim Han Chiong, Pendaftar Perkahwinan Orang-Orang Tiong Hua (Daerah Brunei dan Muara) dan (Daerah Temburong) Presiden Dewan Perniagaan Tionghua Bandar Seri Begawan, pula berkata dalam kebudayaan Cina, naga melambangkan kekuatan, keharmonian dan juga keberuntungan dan awal permulaan memulakan perniagaan dan berharap ia membawa lebih banyak keberuntungan juga harapan yang lebih baik serta kejayaan.

"Saya berharap Tahun Naga akan membawa perubahan positif, memberikan nasib yang lebih baik dan penuh kejayaan. Di kesempatan ini juga saya mengucapkan Selamat Tahun Baharu Cina kepada semua semoga sentiasa dipenuhi dengan kegembiraan, kemakmuran, kesihatan yang baik dan nasib yang baik," jelas Tuan Lim.

Ujar Tuan Lim lagi, Tahun Baharu Cina merupakan perayaan keluarga yang menyeronokkan dan disambut dengan meriah mengikut tradisi Cina, perayaan yang juga dikenali sebagai Festival Musim Bunga, juga berfungsi sebagai mekanisme untuk memastikan keluarga bersatu padu dan harmoni.

Manakala menurut Pengarah Urusan Concepts Computer, Mr. Vincent Pao, 2024 merupakan tahun keberuntungan bagi semua kaum Cina kerana Tahun Naga memang mengambil masa puluhan tahun untuk menepatinya.

"Tahun ini saya berasa beruntung apabila berpeluang merayakan Tahun Naga yang sememangnya tahun begitu besar dan teristimewa yang melambangkan kekuatan terutama dari segi perniagaan, keupayaan untuk menghadapi segala cabaran-cabaran dan juga tahun pembawa kejayaan apatah lagi tahun ini ia diraikan bersama ahli keluarga baharu tercinta iaitu cucu lelakinya.

Bersempena dengan Sambutan Tahun Baharu Cina pada tahun ini saya turut mengucapkan kepada semua semoga sentiasa sihat, gembira dan mendapat keberkatan serta kedamaian di Tahun Naga ini," ujar Mr. Vincent Pao.



OPERASI DI LIMA LAPANGAN TERBANG JERMAN TERJEJAS AKIBAT MOGOK



(US\$538) sebulan. Mereka juga meminta bonus pelarasan inflasi sebanyak €3,000 dan persekitaran pekerjaan yang lebih baik bagi kerja syif.

“Tuntutan kami adalah yang terbaik bagi mengakhiri kekurangan kakitangan dan gangguan perkhidmatan. Walaupun Lufthansa mencatat keuntungan, syarikat melabur terlalu sedikit untuk kakitangannya,” kata ketua perunding untuk kesatuan Verdi, Marvin Reschinsky, pada Selasa. - ©BERNAMA

BERLIN, 8 Feb. - Operasi di lima lapangan terbang Jerman terjejas teruk pada Rabu akibat kakitangannya melancarkan mogok, menjejaskan lebih 100,000 penumpang di Frankfurt am Main, Munich, Hamburg, Berlin dan Dusseldorf, lapor

Xinhua. Di lapangan terbang Frankfurt, sehingga 90 peratus daripada 600 jadual ketibaan dan pelepasan telah dibatalkan. Walaupun lapangan terbang Munich dan Dusseldorf kurang terjejas, tiada penerbangan Lufthansa di Berlin

serta di Hamburg dapat berlepas. Ketua Pegawai Sumber Manusia Lufthansa Michael Niggemann memberitahu stesen penyiaran awam ZDF pada Rabu, bahawa mogok berkenaan mengganggu jadual penerbangan. Cadangan terkini Lufthansa untuk kenaikan 13 peratus gaji dalam tempoh tiga

tahun tawaran yang bagus tetapi syarikat itu juga berdepan keperluan pelaburan yang besar dan mempunyai tanggungjawab ekonomi, kata Niggemann. Kakitangan Lufthansa menuntut kenaikan gaji sebanyak 12.5 peratus dalam tempoh lebih pendek iaitu setahun: sekurang-kurangnya €500

26 maut, puluhan cedera menjelang pilihan raya umum Pakistan

ISLAMABAD, 8 Feb. - Sehari sebelum pilihan raya umum Pakistan, dua letupan kuat melanda pejabat kempen pilihan raya di wilayah Balochistan barat daya negara itu pada Rabu, mengorbankan sekurang-kurangnya 26 orang manakala lebih 45 lagi cedera.

Pengeboman menyasarkan pejabat calon yang bertanding di daerah Pishin dan Qila Saifullah, kata Ketua Polis Balochistan Abdul Khaliq Shaikh kepada Xinhua. Insiden pertama di Pishin mengorbankan sekurang-kurangnya 14 nyawa manakala lebih 25 lagi cedera.

Sementara itu, sekurang-kurangnya 12 orang terbunuh dan lebih 20 lagi cedera dalam letupan kedua di daerah Qila Saifullah. “Serangan pengganas” berlaku apabila sejumlah besar penyokong pemimpin politik berkumpul untuk mengadakan mesyuarat. Pasukan keselamatan dan anggota penyelamat bergegas ke lokasi kejadian dan memindahkan mangsa yang cedera ke hospital berdekatan.

Agensi penguatkuasa undang-undang, polis dan skuad pemusnah bom bertindak mengawal kawasan terbabit dan mengumpul bahan bukti bagi menyiasat punca kejadian. - ©BERNAMA

123 wartawan terbunuh di Gaza sejak 7 Okt

AMMAN, 7 Feb. - Seramai 123 wartawan Palestin telah terbunuh sejak Israel melancarkan serangan ke atas Semenanjung Gaza, menurut pejabat kerajaan di wilayah terkepung itu pada Selasa, lapor Agensi Berita Jordan (PETRA).

Kenyataan itu dikeluarkan berikutan kematian seorang wartawan yang juga Pengarah Pusat Penerangan Palestin di Semenanjung Gaza, Dr Rizq Al-Gharabli.

Setakat ini, sekurang-kurangnya 27,585 rakyat Palestin terbunuh dalam serangan Israel ke atas Gaza sejak 7 Okt. - ©BERNAMA

Serangan ke atas Rafah boleh sebabkan kehilangan nyawa ‘dalam skala besar’ - PBB

NEW YORK, 7 Feb. - Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada Selasa memberi amaran bahawa serangan berterusan Israel ke atas bandar Rafah di selatan Gaza boleh menyebabkan kehilangan nyawa orang awam dalam skala besar dan menggesa setiap usaha yang mungkin untuk menghentikan serangan itu.

Ini susulan tindakan tentera penceroboh menjadikan bandar itu sebagai sasaran utama operasi ketenteraan mereka sejak kebelakangan ini.

Pejabat Penyelarasan Hal Ehwal Kemanusiaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (OCHA) turut memberi amaran mengenai kesan buruk serangan darat di Rafah yang menempatkan kira-kira 1.5 juta warga Palestin yang kehilangan tempat tinggal dan berlindung di kem-kem atau bangunan yang rosak akibat dibom tentera rejim, lapor Agensi Berita Iran (IRNA).

“Di bawah undang-undang kemanusiaan antarabangsa, serangan secara melulu di kawasan berpenduduk mungkin merupakan jenayah perang,” kata jurucakap OCHA, Jens Laerke dalam satu taklimat di Geneva, Switzerland.

Beliau berkata peningkatan serangan di Rafah dalam situasi itu boleh mengakibatkan kematian orang awam dalam jumlah yang besar dan semua pihak harus melakukan segala yang mungkin untuk menghalangnya.

OCHA baru-baru ini melaporkan bahawa pengeboman berterusan Israel dari udara, darat dan laut di sebahagian besar Semenanjung Gaza, mengakibatkan kematian orang awam, pengusiran dan kemusnahan infrastruktur awam.

Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) juga memaklumkan bahawa kira-kira 1.3 juta warga Palestin yang kehilangan tempat tinggal sedang berada di jalan-jalan di Rafah. - ©BERNAMA

India, Brazil calon yang layak sertai UNSC

GENEVA, 8 Feb. - Wakil tetap Rusia ke Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Geneva, Gennady Gatilov berpendapat India dan Brazil merupakan calon yang layak menyertai anggota tetap Majlis Keselamatan PBB, lapor Sputnik.

“Adalah perlu untuk meluaskan keanggotaan membabitkan perwakilan negara membangun seperti Afrika, Asia dan Amerika Latin demi meningkatkan keberkesanan Majlis Keselamatan PBB.

“Kami menganggap Brazil

dan India sebagai calon utama untuk kerusi tetap Majlis jika keputusan dibuat untuk mengembangkannya, baik dalam kategori anggota tetap mahupun tidak tetap,” kata Gatilov ketika ditemu bual RIA Novosti. - ©BERNAMA

Filipina : 45 mangsa tanah runtuh diselamatkan, 41 masih hilang

MANILA, 7 Feb. - Seramai 45 daripada 86 pekerja syarikat perlombongan yang terperangkap dalam kejadian tanah runtuh di wilayah Davao del Oro di selatan Filipina berjaya diselamatkan pasukan penyelamat, kata jurucakap tentera pada Rabu.

Tanah runtuh itu berlaku kira-kira 7.50 malam waktu tempatan (1150 GMT) pada Selasa, berhampiran sebuah tapak perlombongan di bandar Maco.

Jurucakap bagi Markas Pemerintahan Komando Timur Filipina, Rosa Ma. Cristina Rosete-Manuel, berkata seramai 41 lagi pekerja masih belum ditemukan, lapor Xinhua.

Manuel berkata tiga daripada mangsa yang terselamat dilaporkan dalam keadaan kritikal manakala usaha mencari mangsa lain masih diteruskan.

Kira-kira 600 orang berhampiran lokasi kejadian telah dipindahkan dan terdapat beberapa individu

lain dilaporkan terjejas akibat kejadian itu.

“Jalan raya masih tidak dapat dilalui dan tiada isyarat telefon bimbit di kawasan itu,” kata jurucakap berkenaan.

Sementara itu, pegawai agensi pencegahan bencana wilayah, Ed Macapili, dalam wawancara di radio memaklumkan bahawa operasi mencari dan menyelamatkan mangsa tertimbus disambung semula pada pagi Rabu. - ©BERNAMA

Polis Sarawak rampas rokok, minuman keras bernilai hampir RM100 juta

KUCHING, 7 Feb. - Polis Sarawak merampas minuman keras dan rokok pelbagai jenis yang bernilai hampir RM100 juta dalam Op Taring Alpha yang dijalankan di tiga lokasi berasingan di sekitar bandar raya, semalam.

Pesuruhjaya Polis Sarawak, Datuk Mancha Ata berkata dalam operasi yang menyasarkan aktiviti penyeludupan itu, lapan lelaki berusia 22 hingga 67 tahun telah

ditahan di tiga premis di Jalan Setia Raja, Jalan Padungan dan Jalan Penrissen Batu 7 Padawan.

“Sebanyak 2,854 kotak rokok dan minuman keras pelbagai jenama yang kebanyakan telah tamat tempoh dirampas dengan nilai keseluruhan sebanyak RM98,717,342.11 termasuk cukai.

“Kesemua suspek telah direman antara dua hingga tujuh hari

bermula hari ini bagi membantu siasatan,” katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sarawak, di sini hari ini.

Mancha berkata kes itu disiasat mengikut Seksyen 135(1) (d) Akta Kastam 1967 yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum enam bulan sehingga lima tahun dan boleh didenda sebanyak RM100,000. - ©BERNAMA

Pihak berkuasa Thailand hantar pulang suspek kes bunuh ke Malaysia

BANGKOK, 7 Feb. - Seorang ahli perniagaan dari Malaysia yang disyaki membunuh pekerjaannya telah ditahan di lapangan terbang Bangkok pada Ahad dan dihantar pulang ke negara asal pada Isnin.

Lelaki berusia 31 tahun yang merupakan pemilik sebuah pusat hiburan, berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, Johor Bahru, dan ditahan sejurus tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Don Mueang.

“Suspek telah diserahkan kepada

pihak berkuasa Malaysia dan dia dihantar pulang pada Isnin,” menurut sumber kepada Bernama pada Rabu.

Dalam satu kenyataan, Biro Siasatan Pusat (CIB) berkata pihak berkuasa Thailand telah dimaklumkan mengenai penglibatan suspek dalam pembunuhan seorang lelaki warga Malaysia berusia 24 tahun di sebuah pusat hiburan di Johor Bahru pada Ahad.

Menurut kenyataan itu, suspek melarikan diri selepas didakwa

menyerang pekerjaannya yang dipercayai telah mencuri RM40,000 untuk berjudi dalam talian. Pekerja itu kemudian dilaporkan meninggal dunia.

Pada hari yang sama, suspek melarikan diri ke Thailand untuk mencari isterinya di Buriram.

“Setibanya di lapangan terbang, suspek ditahan dan disoal siasat. Dia ditahan dan keterangan (nya) direkodkan,” menurut CIB. - ©BERNAMA



UNRWA TIDAK BOLEH DIGANTIKAN

NEW YORK, 9 Feb. - Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Antonio Guterres memberi amaran bahawa Agensi Kerja dan Bantuan PBB untuk Pelarian

Palestin (UNRWA) tidak boleh diganti.

Beberapa negara termasuk Amerika Syarikat, Britain, Jerman dan Jepun telah menggantung pembiayaan kepada UNRWA. Guterres telah mengetuai rundingan dengan negara penderma dalam usaha mengembalikan semula pembiayaan.

"Tiada organisasi lain yang mempunyai kehadiran lebih bermakna di Gaza dalam situasi ini. Tiada organisasi lain yang boleh menggantikannya sekarang," kata Guterres pada taklimat media pada Khamis.

Guterres merujuk kepada

keberkesanan kos UNRWA dan mempertahankan mengapa ia adalah organisasi terbaik untuk terus menyampaikan bantuan ke Gaza, lapor Agensi Berita dan Maklumat Palestin (WAFA).

"Kos UNRWA jauh lebih rendah daripada kos agensi lain

atas sebab sejarah. Gaji yang dibayar oleh UNRWA adalah satu pertiga daripada gaji yang dibayar oleh UNICEF atau WFP atau organisasi PBB yang lain. Jadi sebarang percubaan penggantian, itu tidak mungkin," kata Guterres. - ©BERNAMA

Mahkamah Agung Brazil perintah bekas Presiden Bolsonaro serah passport

BRASILIA, 9 Feb. - Mahkamah Agung Persekutuan (STF) Brazil pada Khamis memerintahkan bekas Presiden Jair Bolsonaro menyerahkan passport ketika siasatan berhubung dakwaan penglibatannya dalam cubaan rampasan kuasa sedang berlangsung. Bolsonaro mempunyai 24 jam untuk mematuhi perintah itu.

Beliau merupakan antara beberapa pegawai berprofil tinggi yang disiasat berkaitan serangan ganas ke atas ibu negara Brazil pada 8 Jan 2023, tidak lama selepas Bolsonaro kalah dalam pemilihan semula.

Perintah mahkamah itu adalah sebahagian daripada Operasi Tempus Veritatis (Hour of Truth) yang dilancarkan pada Khamis oleh Polis Persekutuan. Pembantu kanan Bolsonaro, termasuk pegawai tentera dengan 33 waran tangkap dan empat perintah penahanan pencegahan turut tersenarai, menurut media tempatan.

Operasi itu dibuat selepas bekas setiausaha peribadi Bolsonaro, Leftenan Kolonel Mauro Cid menandatangani perjanjian kerjasama dengan Polis Persekutuan. - ©BERNAMA

Anak bakar rumah ibu di Sulawesi Barat kerana pertikaian duit pencen

JAKARTA, 9 Feb. - Seorang pemuda telah ditahan selepas disyaki membakar kediaman ibunya di wilayah Mamuju, Sulawesi Barat susulan pertikaian wang persaraan bapa pada Khamis.

Rumah milik Rahmatia, terletak berdekatan dengan kawasan peranginan terkenal Pantai Lombang-lombang, dibakar anak lelaki, Irfandi, 30 tahun, pada kira-kira pukul 9 pagi waktu tempatan.

Ketua Balai Polis Kalukku Inspektor Makmur dalam satu kenyataan mengesahkan penahanan suspek yang juga dikenali sebagai Ippang dan lokasi kejadian telah dipasang garis polis untuk memudahkan siasatan.

Siasatan awal mendapati ketegangan hubungan ibu dan anak berpunca setelah mendapati ibunya mengeluarkan wang pencen bapanya tanpa memaklumkan kepadanya. "Suspek juga tidak puas hati terhadap pembinaan rumah di atas tanah yang hak milik masih dalam pertikaian," kata Makmur.

Irfandi nekad memulakan kebakaran dengan menyalakan api di tirai tingkap sehingga mengakibatkan kemusnahan rumah dan harta benda bernilai 40 juta rupiah, sekitar RM12,200. - ©BERNAMA

China perluas polisi tanpa visa ke Hainan

BEIJING, 9 Feb. - China melonggarkan polisi tanpa visa bagi memasuki wilayah selatan Hainan atas pelbagai tujuan mulai Jumaat, lapor Xinhua.

Pelawat dari negara seperti Rusia, Perancis, Amerika Syarikat, Brazil, Jepun dan Emiriah Arab Bersatu dibenarkan memasuki Hainan tanpa visa bagi tujuan perniagaan, pelancongan, melawat saudara mara, rawatan perubatan, pameran atau sukan, menurut Pentadbiran Imigresen China dalam satu kenyataan.

Pelawat terbabit boleh menetap di Wilayah Hainan sehingga 30 hari, menurut kenyataan itu.

Polisi sebelum ini juga membenarkan pelawat dari negara-negara terbabit memasuki Hainan tanpa visa tetapi hanya untuk tujuan pelancongan.

Dasar baharu itu bertujuan untuk memajukan dan menggalakan pembukaan secara menyeluruh serta menyokong pembinaan Pelabuhan Perdagangan Bebas Hainan. - ©BERNAMA

Pilihan raya Azerbaijan aman, pamer sokongan terhadap proses demokrasi

BAKU, 9 Feb. - Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara Datuk Nur Jazlan Mohamed memuji perjalanan pilihan raya Azerbaijan yang aman, serta menyatakan ia mempamerkan sokongan rakyat terhadap proses demokrasi serta aspirasi mereka untuk hidup aman.

Nur Jazlan, yang mengetuai misi pemantauan parlimen Malaysia sempena pilihan raya presiden Azerbaijan pada Rabu, berkata pilihan raya itu berjalan mengikut norma antarabangsa.

"Pilihan raya secara keseluruhan berjalan tanpa sebarang insiden dan hak setiap orang untuk mengundi tidak dicabuli," lapor Agensi Berita Azerbaijan (AZERTAC) memetik Nur Jazlan sebagai berkata pada sidang media berhubung keputusan pilihan raya negara tersebut.

Nur Jazlan berkata misi Malaysia telah memantau pilihan raya tersebut di lima pusat mengundi dan penempatan Bilgah di Baku. Sementara itu, Kedutaan Azerbaijan di Kuala Lumpur dalam satu kenyataan pada Jumaat memaklumkan bahawa Speaker Dewan Perwakilan Milli Majlis Azerbaijan Sahiba Gafarova telah bertemu dengan misi pemantau parlimen Malaysia di Baku.

Beliau menzahirkan rasa terima kasih kepada misi Malaysia dalam memantau proses pilihan raya yang bersejarah bagi Azerbaijan.

Menurutnya, pilihan raya presiden itu buat pertama kalinya berlangsung di seluruh wilayah Azerbaijan termasuk Khankendi dan Shusha demi memastikan kedaulatan dan integriti wilayah negara itu.

Gafarova berkata setiap langkah perlu telah diambil demi memastikan

pilihan raya itu dilaksanakan secara bebas, demokratik dan telus, selaras dengan keperluan undang-undang dan memenuhi semua piawaian lanjutan.

"Peraturan keluar mengundi yang tinggi turut jadi perhatian. Rakyat kita telah pergi ke pusat mengundi dan mengundi demi masa depan negara," kenyataan kedutaan itu memetik Gafarova sebagai berkata.

Kedutaan itu berkata misi pemantauan parlimen Malaysia memuji pembangunan Azerbaijan, serta menekankan bahawa negara itu bersifat terbuka kepada masyarakat antarabangsa.

Menurut laporan media, penyandang jawatan Presiden Azerbaijan Ilham Aliyev dilantik semula pada Rabu menerusi pilihan raya presiden dengan memperoleh 92.1 peratus undi. - ©BERNAMA

Konflik di Gaza cetus implikasi mendalam bagi kestabilan, keseimbangan kuasa

KUALA LUMPUR, 9 Feb. - Trajektori masa depan konflik di Gaza memberi kesan mendalam terhadap kestabilan serantau dan keseimbangan kuasa di seluruh dunia, seiring dengan perubahan 'pakatan kuasa tradisional' dan kemunculan kuasa baharu global, menurut Presiden Forum Al-Sharq, Wadah Khanfar.

Institut Pengajian Islam Lanjutan Antarabangsa (IAIS) Malaysia menyatakan bahawa Wadah, yang juga bekas Ketua Pengarah Al-Jazeera, menyampaikan analisis yang menarik mengenai konflik di Gaza dalam rangka dinamik peralihan aturan dunia kontemporari semasa ceramah yang dihoskan

oleh IAIS, di sini pada Khamis.

IAIS berkata ucapan Khanfar memberikan penerangan mengenai pelbagai aspek konflik berkenaan, termasuk sejarahnya, perkembangan semasa dan trajektori masa depan yang mungkin.

"Beliau menekankan peranan penting peralihan geopolitik, dinamik kuasa yang muncul dan pakatan yang berubah dalam membentuk peristiwa di rantau itu," menurut IAIS dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Semasa mengakhiri syarahannya, Khanfar mencadangkan Malaysia menjemput wakil kerajaan Afrika Selatan ke negara ini untuk

menerima ucapan terima kasih dan penghargaan rasmi bagi pihak masyarakat Islam atas usaha dan kejayaan mereka membawa Israel ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ).

IAIS menegaskan bahawa konflik di Gaza telah lama menjadi tumpuan serantau dan perhatian antarabangsa, mencerminkan anjakan geopolitik dan dinamik kuasa yang lebih luas.

Menurut kenyataan itu, berlatarbelakangkan aturan global yang berubah dengan cepat, peningkatan permusuhan baru-baru ini sekali lagi mengakibatkan situasi tidak menentu. - ©BERNAMA

Eropah : Januari 2024 rekod suhu terpanas dalam sejarah

ANKARA, 8 Feb. - Januari 2024 mencatat rekod sebagai bulan paling panas dalam sejarah dengan suhu mencecah 13.14 darjah Celsius (°C), menurut kenyataan Perkhidmatan Perubahan Iklim Copernicus Kesatuan Eropah (C3S).

Bacaan suhu berkenaan 0.70°C

lebih tinggi daripada 1991 hingga 2020 dan 0.12°C lebih panas daripada Januari 2020, lapor Agensi Anadolu.

"Ini adalah bulan kelapan paling panas pernah direkodkan bagi bulan masing-masing dalam setahun," menurut kenyataan itu.

Januari 2024 juga lebih

lembap di kebanyakan bahagian Eropah, terutamanya ribut melanda utara dan barat daya Eropah manakala Sepanyol, wilayah Maghreb, selatan United Kingdom, Ireland, timur Balkan dan kebanyakan tempat di Scandinavia lebih kering. - ©BERNAMA



Mantapkan pengetahuan pesilat dengan undang-undang baharu

SUKAN Pencak Silat merupakan salah satu warisan budaya turun-temurun dan tradisi orang-orang Melayu di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang perlu dikekalkan, diperkasa serta dimartabatkan.

Sukan ini juga menjadi tradisi masyarakat di beberapa buah negara Nusantara seperti Malaysia, Indonesia dan Thailand.

Pencak Silat merupakan sukan bela diri yang mengandalkan kemampuan membela diri, seperti menangkis dan menyerang dengan menggunakan tangan dan kaki selain mempamerkan kemahiran dalam menggunakan senjata terutama keris dan lembing.

Jika dulu Pencak Silat merupakan perisai bagi setiap lelaki namun pada masa ini Pencak Silat telah berkembang pesat dan menjadi salah satu seni bela diri yang dipertandingkan sebagai kejuaraan hingga ke peringkat antarabangsa.

Untuk menyertai setiap pertandingan seorang pesilat perlu mengetahui peraturan dan garis pandu dalam sukan berkenaan kerana ia merupakan syarat wajib yang patut dipatuhi.

Dalam memperagakan aksi Pencak

Silat ini ia mempunyai pelbagai macam gerakan antaranya teknik tendangan. Teknik ini menggunakan bahagian kaki yang berfungsi untuk menendang lawan dengan kekuatan penuh. Setiap gerakan tendangan ini pula mempunyai teknik yang berbeza dengan sasaran yang berbeza pula. Dalam hubungan ini pesilat harus memahami teknik tendangan sebaik mungkin agar dapat mengalahkan musuh dalam setiap pertandingan.

Antara tendangan yang sering digunakan dalam Pencak Silat ini ialah Teknik tendangan depan atau disebut juga tendangan lurus merupakan teknik yang umum dipakai oleh para pesilat saat menyerang lawan. Manakala Teknik tendangan belakang pula adalah tendangan ke belakang. Cara ini dilakukan untuk menakluki lawan yang posisinya ada di belakang. Selain teknik tendangan, dalam Pencak Silat sebenarnya ada pelbagai macam teknik lainnya seperti teknik kuda-kuda, teknik pukulan, teknik tangkisan, teknik guntingan dan lain-lain.

Namun dalam melakukan aksi

persilatan terdapat beberapa larangan yang mesti dipatuhi oleh setiap pesilat seperti tidak melakukan penyerangan ke bahagian-bahagian anggota tubuh yang tidak sah seperti leher, kepala serta bawah pusat hingga kemaluan yang mengakibatkan lawan jatuh dan cedera: sengaja melemparkan lawan keluar gelanggang; menyerang dengan kepala; menyerang lawan sebelum aba-aba 'mulai' dan sesudah aba-aba berhenti; menggigit, mencakar, mencengkeram; menghina, meludahi dan mengeluarkan kata-kata kesat.

Untuk melahirkan pesilat-pesilat yang cekap dan berkualiti memerlukan latihan, disiplin dan bimbingan yang cukup di bawah kendalian seorang jurulatih yang berpengalaman dan mempunyai ilmu yang luas

Sebagai jurulatih yang terlatih perlu mengikuti kursus seta mempunyai sijil (Certified National Coach - CNC) Jurulatih Kebangsaan Bertauliah dan Jurulatih Antarabangsa Bertauliah (Certified International Coach - CIC).

Dengan mengikuti kursus-kursus

Oleh : Abu Bakar Haji Abd. Rahman
Foto : Arkib Jabatan Penerangan

tersebut seorang jurulatih mahupun juri dapat mempelajari undang-undang baharu bagi Pencak Silat.

Sejak Februari 2023 sukan Pencak Silat telah menjalankan undang-undang baharu mengikut dasar, iaitu Versi Tujuh Oktober 2023, dan ia diguna pakai pada masa ini.

Mereka yang layak sebagai CNC akan diturunkan sebagai wasit juri atau jurulatih apabila kejohanan-kejohanan atau pertandingan-pertandingan diadakan pada masa akan datang sama ada di dalam atau luar negara.

Dalam meningkatkan jumlah mereka yang mempunyai CNC ini pada hujung Januari yang lalu seramai 50 peserta telah menyertai Kursus Jurulatih Pencak Silat bagi CNC termasuk wasit juri antarabangsa, jurulatih-jurulatih dari Daerah Brunei dan Muara, Daerah Belait, Daerah Tutong, Daerah Temburong, Kokurikulum, Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Majlis Sukan Polis Diraja Brunei dan Majlis Sukan Sekolah-sekolah Brunei Darussalam.

Kursus diadakan selama tiga hari bermula 26 Januari hingga 28 Januari 2024, kursus dibahagikan kepada 11 sesi iaitu Organisational Structure of Task Force; Pencak Silat Goes To Olympic; Cara Membuat Program; Latihan Fizikal; Silat Tanding atau Seni; Rules and Regulation; Tunggal; Regu; Pembentangan Program Latihan; Ujian Tunggal dan Regu; dan Bimbingan.

Dengan adanya kursus-kursus seumpama ini diharap akan dapat menyaksikan perubahan dan pembaikan dalam peraturan yang dilaksanakan dalam Pencak Silat ini.

Sememangnya Pencak Silat ini merupakan salah satu sukan yang digemari dan ia sering menyumbang kepada pungutan pingat kepada negara seperti di kejohanan serantau mahupun antarabangsa.

Salah satu kejayaan atlet Pencak Silat ialah apabila berjaya memungut 1 pingat perak dan 1 pingat gangsa pada Sukan SEA 2023 di Kemboja.

Kemenangan pingat perak diraih menerusi Seni Regu Wanita yang terdiri daripada Nur Wasiqah Aziemah Rosimah, Norleyermah Haji Raya dan Anisah Najihah Abdullah yang memperoleh 9.925 mata.

Manakala pingat gangsa diperoleh menerusi Acara Seni Regu Lelaki yang menggandingkan Md. Ali Saifullah Haji Md. Suhaimi, Md. Hazim Ramliee dan Md. Haziq Aqwan Md. Iman Safwan yang meraih 9.910 mata.





FABD BINCANG KEMAJUAN BOLA SEPAK



PRESIDEN Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD), Awang Haji Feisal bin Haji Mohd. Eusoff semasa bergambar bersama Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Qatar dan perwakilan FIFA (kiri dan kanan).

mengadakan perjumpaan bersama Presiden Pertubuhan Persekutuan Jepun (JFA), Kojo Tashima di Stadium Ahmad bin Ali sebelum menyaksikan Perlawanan Peringkat Separuh Akhir AFC Qatar 2023 di mana Jordan bertemu dengan Republik Korea.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 9 Februari. - Presiden Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD), Awang Haji Feisal bin Haji Mohd. Eusoff telah mengadakan perbincangan dan berkongsi pandangan dengan rakan-rakan sejawatnya dalam Pertubuhan Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC) semasa berada di Doha, Qatar, baru-baru ini.

Beliau berada di sana sebagai jemputan rasmi daripada AFC sempena Perlawanan Peringkat Akhir Kejohanan Bola Sepak AFC Qatar 2023.

Awang Haji Feisal juga berkesempatan

Selain itu, beliau juga mengadakan perbincangan dan berkongsi buah fikiran bersama perwakilan FIFA yang beribu pejabat di Qatar iaitu Lavin Vignesh J.

Semasa perjumpaan tersebut, Awang Haji Feisal berkongsi maklumat mengenai perkembangan bola sepak di Negara Brunei Darussalam dan berbincang mengenai program-program FABD, peruntukan, prasarana di samping kejohanan bola sepak peringkat akar umbi (*grassroot*) dan



Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam

bola sepak wanita.

Perjumpaan yang berlangsung di Ibu Pejabat FIFA Qatar itu turut disertai oleh Ahli Jawatankuasa Eksekutif FABD, Pengiran Jamilah binti Pengiran Haji Zainin dan Dayang Juliyani binti Haji Mohammad.

Sementara itu, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Qatar, Tuan Yang Terutama Haji Mohamed Bahrin

bin Dato Paduka Haji Abu Bakar juga telah menerima kunjungan daripada Presiden FABD di pejabat kedutaan di Doha, Qatar.

Presiden FABD menyampaikan hasrat bagi memohon kerjasama pihak Kedutaan Brunei Darussalam dalam menyokong hasrat FABD dalam mengembanguaskan dan kerjasama di antara FABD dan Qatar amnya.

Antara Qatar dan Jordan, siapa bakal bergelar raja Asia?

DOHA, 9 Feb. - Selepas hampir sebulan menempuh perjalanan yang mencabar, tuan rumah Qatar dan Jordan sudah sampai ke kemuncak saingan Piala Asia 2023, dengan satu daripada mereka bakal dinobatkan sebagai juara pada perlawanan akhir di Stadium Lusail di Lusail, malam esok.

Sebagai juara bertahan dan beraksi di laman sendiri, Qatar mempunyai matlamat penting iaitu memenangi gelaran kedua berturut-turut, manakala Jordan yang akan beraksi pada final Piala Asia buat pertama kali, sangat bermotivasi untuk memahat sejarah baharu dengan merangkul kejuaraan sulung.

Qatar bimbingan Marquez Lopez, mempamerkan prestasi yang cemerlang pada kempen kali ini apabila mara ke pusingan kalah mati selaku juara Kumpulan A, selepas mencatat kemenangan bersih tanpa bolos dengan mengalahkan Lubnan 3-0, Tajikistan (1-0) dan China (1-0).

The Maroons kemudian menewaskan Palestin 2-1 pada perlawanan pusingan 16 terbaik, mengatasi Uzbekistan 3-2 menerusi penentuan penalti selepas terikat 1-1 pada aksi suku akhir, sebelum menundukkan juara tiga kali Iran 3-2, pada pertembungan separuh akhir.

Penyerang dengan gaya rambut yang mencuri perhatian ramai, Akram Afif

merupakan taruhan terbaik Qatar selepas pemain Al Sadd berusia 27 tahun itu, telah pun meledak lima gol dan membuat tiga bantuan jaringan dalam enam perlawanan, sekali gus berpeluang muncul penjaring terbanyak pertandingan.

Selain itu, Qatar juga mempunyai senjata unggul di bahagian serangan iaitu ketua pasukan Hassan Al-Haydos dan penjaring terbanyak edisi lalu Almoez Ali, selepas masing-masing kini mengumpul tiga dan dua gol sepanjang kempen kali ini. Pendahulu penjaring terbanyak ketika ini ialah penyerang Iraq Aymen Hussein yang mengumpul keseluruhan enam gol.

Menjelang perlawanan tumpuan esok, Qatar yang memenangi gelaran sulung selepas menewaskan Jepun 3-1 pada final edisi 2019 di Emiriah Arab Bersatu (UAE), juga merupakan pasukan yang lebih baik berdasarkan ranking dunia apabila berada di posisi ke-58, manakala Jordan di kedudukan ke-87.

Namun, Jordan bimbingan Hussein Ammouta menyertai beberapa pasukan lain di sini antaranya Iraq, Tajikistan dan Malaysia, yang berjaya meraih keputusan mengejutkan sekali gus membuktikan ranking dunia tidak boleh dijadikan sandaran pada kejohanan berbentuk karnival.

Jordan layak ke pusingan kalah mati sebagai pasukan di tempat ketiga terbaik, apabila menamatkan saingan Kumpulan E di belakang Bahrain dan juara dua kali Korea Selatan dengan mengumpul empat mata selepas menewaskan Malaysia 4-0, seri 2-2 dengan Korea Selatan dan tewas 0-1 di tangan Bahrain.

Kekuatan The Chivalrous terserlah dan semakin menonjol, apabila menyingkirkan Iraq yang juga juara 2007, 3-2 pada pusingan 16 terbaik, menewaskan Tajikistan 1-0 pada suku akhir untuk layak julung kali ke separuh akhir, yang menyaksikan mereka mengejutkan Korea Selatan 2-0.

Jika Qatar mempunyai Afif sebagai taruhan terbaik, Jordan memiliki Yazan Al-Naimat dan Mousa Al-Tamari, yang masing-masing sudah menjaringkan tiga gol serta Mahmoud Al-Mardi, yang mengumpul dua gol.

Dalam pada itu, Jordan yang dianggap sebagai pasukan bukan pilihan, turut berdepan tekanan yang lebih rendah berbanding Qatar, namun berbekalkan keyakinan terutama selepas berjaya menewaskan pihak lawan 2-1, ketika kedua-dua pasukan bertemu pada aksi persahabatan antarabangsa di sini, 5 Jan lepas.

Namun berdasarkan rekod pertemuan

sebelum itu, Qatar merupakan pasukan yang lebih unggul apabila tidak tewas kepada Jordan dalam empat pertemuan terakhir sejak 2012, dengan meraih dua kemenangan dan dua kali seri. - ©BERNAMA

Tahukah Awda

PROGRAM Belia Cinta Tanah Air (PBCTA) diperkenalkan pada 2006 bersempena dengan Sambutan Hari Ulang Tahun Kebangsaan Negara Brunei Darussalam. PBCTA telah dikendalikan oleh Jabatan Belia dan Sukan, KKBS. PBCTA bertujuan untuk meningkatkan semangat kenegaraan dan kekitaan belia kepada masyarakat. Antara objektif PBCTA ialah untuk menyuntik semangat para belia untuk bergiat aktif dalam mengikuti apa jua aktiviti pembangunan belia serta menyemarakkan semangat setia kawan, gotong-royong dan saling bantu di antara satu sama lain.

SUMBER : belia-sukan.gov.bn.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

TIADA SATU IBADAH PUN YANG DAPAT MENANDINGI KEISTIMEWAAN, KEUTAMAAN SEMBAHYANG